# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 26 BILANGAN 39 | RABU 30HB SEPTEMBER, 1981. | رابو 1 ذوالحجة 1401 | PERCHUMA


Raayat dan pendudok negeri ini di-seru:

# JALANKAN PERUSAHAAN2 SENDIRI — Titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzadddin Waddaulah menyeru raayat dan pendudok di-negeri ini supaya berusaha menjalankan perusahaan2 sendiri saperti kedai2 runchit di-kampong2, mukim2 dan daerah masing2.

"Apa yang Beta dan Kerajaan Beta maksudkan ia-lah supaya raayat dinegeri ini sendiri yang mengusahakan tanpa mendatangkan pekerja2 luar negeri kerana perusahaan kedai runchit ada-lah satu2-nya perusahaan kechil2an yang boleh di-jalankan oleh raayat sendiri," titah Baginda.

Kerana, titah Baginda Yang Dipertuan, masaalah mendatangkan pekerja2 dari luar negeri ada-lah banyak dan rumit.

Baginda bertitah, semakin banyak pekerja2 luar di-datangkan semakin besar-lah masaalah-nya bukan sahaja masa ini tetapi juga di-masa2 akan datang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah kapada pendudok2 Mukim Peramu semasa keberangkatan Baginda ka-mukim tersebut yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Rendah Melayu Pengiran Anak Puteri Besar pada hari Isnin lepas.

PERUSAHAAN KECHIL

Dalam perusahaan saumpama ini, titah Baginda, sudah tentu orang Brunei dapat menjalankan-nya dengan sempurna. Jika perusahaan yang kechil saperti ini tidak dapat di-jalankan oleh orang Brunei sendiri bagaimana pula perusahaan yang besar2.

"Oleh itu Beta berseru kapada raayat sekalian, tunjokkan-lah yang raayat Brunei sendiri boleh menjalankan perusahaan ini tanpa mendatangkan tenaga dari luar negeri," titah Baginda Yang Dipertuan.

Pada mengusahakan perusahaan sa-umpama itu, titah Baginda, Kerajaan Beta terpaksa mengadakan peratoran pada mengawal dan mengator apa2 jua pergerakan2 ekonomi atau pun perusahaan2 di-negeri ini.



DI-SAMPING berangkat melawat ka-beberapa buah rumah di-Mukim itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga di-junjong berangkat menyaksikan perusahaan membuat perahu yang di-punyai oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail, saperti kelihatan gambar atas.

Walau bagaimana pun, titah Baginda, peratoran2 mengenai dengan penubohan kedai2 runchit di-kampong2 dan di-mukim2 sudah di-longgarkan bagi memberi peluang kapada raayat untok mengambil peranan yang lebeh aktif dalam bidang perniagaan kechil2an.

Tetapi dalam pada itu, titah DYMM, jangan pula di-salah gunakan peluang ini dengan mengambil kesempatan membukakan peluang kapada orang2 asing yang tidak seharusnya di-benarkan bergerak dalam bidang ini dan itulah sebab-nya kerajaan Beta terpaksa membuat peratoran2 pada mengawal kedatangan pekerja2 asing ka-Brunei ini.

Kebawah DYMM dimajlis itu juga telah mengingatkan bahawa apabila mengemukakan satu2 kemuskilan atau masaalah biar-lah perkara yang dibangkitkan itu merupakan perkara yang mendatangkan kebajikan bukan untok persendirian tetapi untok kebajikan kampong atau mukim sa-chara keselurohan.

Lihat muka 20



ASKAR Melayu Diraja Brunei telah mengadakan satu achara khas bagi memperingati Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin pada 23hb. September yang lalu.

Duli Yang Teramat Mulia yang juga selaku Colonel-In-Chief AMDB itu telah di-junjong memotong kek yang di-sediakan oleh pasokan itu sa-bagai menandakan Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia yang ke-65 tahun (gambar atas). Upachara tersebut telah di-langsongkan di-Mess Pegawai2 Waran dan Sarjan Perkhemahan Bolkiah.

Sa-belum upachara memotong kek itu, Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjong berangkat melawat Muzium AMDB yang juga terletak di-Perkhemahan itu, untok menyaksikan bahan2 yang dipamerkan.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ka-Muzium itu telah di-alu2kan oleh Pemerentah AMDB, Brigadier Duncan Cameron dan lain2 pegawai2 kanan pasokan itu.

## Ikuti kursus di-Oxford

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pegawai kanan di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Awg Ahmad bin Dato Matnor telah bertolak ka-London semalam untok mengikuti kursus mengenai dengan hal ehwal diplomatik.

Awang Ahmad akan mengikuti kursus tersebut di-University Oxford, United Kingdom sa-lama satahun.

## Pengkajian tahunan: Borang2 tanya telah di-edar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Kira2 Negara, Yunit Peranchang Ekonomi mulai dari 15hb. September, 1981 telah mengeluarkan borang2 tanya kapada badan2 perniagaan yang berkaitan dengan pengkajian tahunan badan2 perniagaan yang dijalankan oleh Yunit ini. Pengkajian tahunan ini ada-lah bagi mengumpulkan data2 dari berbagai sektor ekonomi untok maksud penyusunan kira2 negara dan peranchangan ekonomi.

Pengkajian ini ada-lah di-jalankan di-bawah perundingan Undang2 Perangkaan, 1975. Di-dalam pengkajian ini, badan2 perniagaan ada-lah dikehendaki memberikan keterangan2 berikut yang berkaitan dengan kegiatan2 perniagaan mereka: —

i) Keterangan2 'Am berkenaan dengan badan perniagaan itu (Bahagian A).

ii) Kira2 Semasa bagi tahun 1980 yang meliputi semua kegiatan2-nya di-Brunei (Bahagian B).

iii) Kunchi Kira2 saperti pada 31hb. Disember, 1979 dan 31hb. Disember, 1980 berkaitan dengan semua kegiatan2-nya di-Brunei (Bahagian C & D).

Borang2 yang telah di-isikan dengan keterangan2 yang di-kehendaki mesti-lah di-kembalikan kapada Bahagian Kira2 Negara tidak lewat dari tarikh yang di-nyatakan di-dalam

Lihat muka 20

★ SA-BAGAI memperingati Hari Perlembagaan, Pelita Brunei keluaran minggu ini, serba sedikit chuba mengajak pembacha menoleh kembali ka-masa silam chatetan2 rengkas suasana negara meneroka perkembangan-nya yang dipelopori oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, pejuang Perlembagaan dan Akitek Brunei Moden.

### Manis-nya Iman

"SIAPA yang mengasehi dunia-nya dia akan memudharatkan kepentingan akhirat-nya. Siapa yang mengasehi akhirat-nya dia akan memudharatkan kepentingan dunia-nya. Maka hendak-lah kamu utamakan apa yang kekal daripada apa yang fana."
— HADITH Nabi (Durratun Naschin).

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

30HB SEPTEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# TAPAK KEMAJUAN NEGARA

KELMARIN, 29hb September, 1981, saperti yang sama2 kita ma'alomi ada-lah hari Perlembagaan dan kerana mengenang hari itu sa-bagai hari penting bagi negara, maka ia di-jadikan sa-bagai hari kelepasan awam. Penting-nya hari itu di-kenang bukan-lah sa-takat pada nama-nya dan sejarah-nya, tetapi pada bakti-nya yang telah terchurah sa-chara menyeluroh sejak tahun 1959. Kerana fungsi-nya yang luas dan menyeluroh yang menentukan untong nasib masa depan negara dan isi-nya itu, ia-nya telah dapat memboktikan kejayaan2 yang besar dalam erti kesejahteraan yang sama2 kita rasakan dewasa ini. Kemajuan yang lebeh besar yang juga berpuncha dari perubahan2 (pindaan2) dalam Perlembagaan itu sahingga mentarafkan negara sa-bagai merdeka, Insha Allah, akan sama2 kita tempoh kira2 dua tahun dari sekarang (1983).

Tidak shak lagi bahawa Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 ada-lah titik tolak yang penting dan utama yang telah mengujudkan berbagai perkembangan dan memajukan Brunei Darussalam dalam berbagai bidang. Ia juga memberikan semangat dan melahirkan hasrat yang lebeh besar dalam meninggikan nilai status negara di-bidang antarabangsa.

Dengan yang demikian, Brunei berkembang sa-tapak demi sa-tapak. Memang di-rasakan bahawa perkembangan Brunei pada mula-nya ada-lah sa-chara perlahan. Sesuai dengan kehendak perlembagaan itu, asas2 perkembangan yang di-utamakan ia-lah hal ehwal dalam negeri. Ini di-pandang penting supaya di-dahulukan kekuatan dalam diri sendiri dengan membekalkan negara dengan berbagai kemudahan asas yang di-perlukan raayat yang semakin bertambah dan membekalkan keperluan2 untok melahirkan raayat yang berwibawa.

Hari ini, kita memperingati-nya dan sudah 22 tahun usia-nya. serta telah menampakkan keremajaan-nya terutama sa-telah ia-nya mengalami perubahan2 sesuai dengan usia-nya itu. Kita melihat-nya dalam keadaan hari ini dalam mana kita sama2 bernafas dan menghidu udara kemakmoran dan keselamatan. Sa-bagai indong dari segala undang2 dan peratoran yang akan terus di-perkembangkan menurut keutamaan2-nya, keadaan negara tidak saja kukoh dengan keharmonian alam keliling dan manusia-nya, bahkan bidang2 yang menjadi teras kekukohan itu saperti kekuatan ekonomi menerusi hasil2 negara telah terus dengan ketetapannya. Minyak dan Gas di-ma'alomi sa-bagai teras kekuatan ekonomi negara. Kedudokan-nya pernah di-suarakan sa-bagai sumber yang tidak dapat bertahan lama dan kerana itu perlu di-usahakan sumber2 yang lain. Sa-benar-nya, kegiatan2 ada-lah terus berjalan untok mempelbagaikan sumber ekonomi negara dan antara-nya telah lama berjalan galakan2, terutama-nya di-kalangan anak negeri bagi membuat usaha2 dalam berbagai bidang ekonomi. Bermula dari usaha kechil2an, maka hari ini, timbul harapan2 agar anak negeri akan berusaha pula di-bidang2 yang lebeh besar.

Ekoran dari pindaan2 dalam Perlembagaan, 1959 itu ada-lah terbokti yang negeri ini sedang menempoh chabaran2 yang memerlukan kekuatan segala yang ada di-dalam-nya. Hari Kemerdekaan yang di-tunggukan itu ada-lah merupakan ujian yang penting, dan biasa-nya HARI ITU di-anggap sa-bagai hari kelahiran dalam menempoh era baru yang lebeh menchabar. Semoga Allah melimpahkan kekuatan kapada kita seluroh-nya. Amin!



# PENDIDEKAN KEJURUAN ORENTASI BARU DLM PENDIDEKAN DI-BRUNEI

**UCHAPAN Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, di-Majlis Penyampaian Sijil kapada Peladang2 Muda lepasan Pusat Latehan Pertanian Sinaut, pada 22hb September yang lalu.**

SEJARAH Pendidekan Kejuruan di-Brunei baharu menchapai 10 tahun, ini ada-lah sejarah yang sengkat. Pusat Latehan Pertanian Sinaut, ada-lah salah sa-buah daripada 5 buah pendidekan kejuruan di-negeri ini. Tidak dapat di-sangkal bahawa sekolah2 pertukangan dan kejuruan ini ada-lah merupakan asas2 pembangunan bagi sa-tiap negara yang hendak maju. Lulusan2 dari sekolah samacham ini-lah yang merupakan roda bagi melancharkan enjen perekonomian satu2 negara. Mereka-lah yang memegang peranan penting dalam perlaksanaan sesuatu projek atau ranchangan; mereka pula-lah yang mendudoki tempat antara si-peranchang dan si-buroh kasar.

Di-samping itu pada umom-nya kejuruan ini-lah yang memberikan perangsang yang kuat kapada "entrepreneurship" sa-orang, suatu sifat yang sangat di-perlukan oleh rakyat. Di-Brunei hingga sekarang pekerja2 kejuruan dan pertukangan pada umum-nya maseh di-pegang oleh bangsa asing atau keturunan bangsa asing. Brunei hendak-lah mengeluarkan atau menghasilkan "entrepreneurs" bumiputera yang sejati yang bersedia meninggalkan arus traditional "pergi makan gaji". Sebab sudah kenyataan bahawa masharakat2 yang moden sekarang bertambah maju justeru kerana ada-nya "entrepreneurs" di-antara mereka yang sanggup meneliti sumber2 dan alat2 yang ada tersedia di-negeri ini dan yang berani mempergunakan dan mengkombinasikan-nya dengan chara yang lebeh baik dan chekap berkat ada-nya kejuruan itu.

## SISTEM PENDIDEKAN

Sepuloh tahun sejarah pendidekan kejuruan ada-lah terlalu muda, kerana sistem pendidekan serta pengajaran dan latehan dahulu di-arahkan sedemikian rupa, sa-hingga penduduk asli bukan saja tidak di-beri perangsang untok mengunjongi sekolah2 pertukangan dan kejuruan, akan tetapi sekolah2 demikian memang sengaja di-tiadakan atau di-abaikan oleh mereka, di-satukan dengan chara pendidekan jasmani dan rohani di-waktu itu sangat pinchang sa-hingga bangsa2 tersebut hingga sekarang tidak menyukai kerja2 pertukangan dan kejuruan akan tetapi sangat chendorong untok menchari pekerjaan "white collar". Dalam praktik-nya Pendidekan Kejuruan ada-lah pendidekan berdasarkan bakat, pendidekan yang praktikal dan yang menuju ka-satu jurusan pekerjaan atau dalam bahasa Inggeris "practical and occupational education".

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melalui Jabatan Pelajaran sejak awal2 tahun2 70an telah memberi orientasi baru pada pendidekan kejuruan bukan saja mendirikan sekolah2 dan Pusat2 Kejuruan, tetapi mengubah suai mata2 pelajaran yang di-ajar di-sekolah2 rendah dan menengah di-mana pelajaran Sains dan Ilmu Hisab di-tambah masa murid2 belajar.

## TENAGA MAHIR

Memandang kapada penting-nya Sains dan Teknoloji, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bersetuju Sekolah Sains di-tubohkan. Penuntut2 di-sekolah ini di-ajar pelajaran2 sains supaya penuntut2 ini nanti akan dapat mengisikan kekosongan dan keperluan2 tenaga mahir dalam bidang2 teknikal, kejuruan, dan termasok pertanian.

Saya sukachita menjelaskan bahawa Jabatan Pelajaran sejak tahun 1970 telah mengadakan mata2 pelajaran Sains Pertanian untok sekolah2 menengah. Sekarang ini terdapat 3 buah sekolah menengah yang ada mengajarkan pelajaran Sains Pertanian ini. Di-bahagian sekolah2 rendah pula pelajaran kebun sekolah juga telah di-adakan sejak tahun 1979. Sa-banyak 8 buah sekolah rendah sekarang terlibat mengadakan mata pelajaran ini. Dan sa-ramai 7 buah sekolah rendah lagi di-jangka akan mengadakan mata pelajaran ini pada awal tahun depan. Tujuan-nya ada-lah sa-mata2 untok memupok minat murid2 dalam bidang pertanian supaya dengan ada-nya pengetahuan asas ini murid2 ini kelak akan dapat menyalorkan kechenderongan mereka untok mempelajari Sains Pertanian ka-perengkat menengah dan sa-terus-nya ka-perengkat tinggi.

Pelajaran Sains Pertanian dan kebun sekolah ini, pada permulaan-nya ada menghadapi beberapa masaalah, tetapi sekarang masaalah2 itu telah dapat di-atasi sa-chara berperengkat2, satu masaalah besar yang di-hadapi ia-lah kekurangan tenaga2 pengajar yang berkelayakan dalam bidang Sains Pertanian dan di-sini saya ingin menchatetkan penghargaan saya dan menyampaikan uchapan terima kaseh saya kapada Pengarah Pertanian Brunei, Pegawai Perhubongan Pusat Latehan Pertanian Sinaut dan Pengetua Pusat Latehan Pertanian Sinaut kerana membantu Jabatan Pelajaran melateh sa-chara skim latehan dalam perkhidmatan kapada beberapa orang guru yang berkechenderongan dan berkesanggupan untok mengajar Sains Pertanian dan kebun sekolah di-sekolah2 di-negeri ini. Dengan terlateh-nya guru2 itu, masaalah kekurangan guru2 telah dapat mengurangkan masaalah kekurangan guru-guru Sains Pertanian, dan kebun sekolah.

## LATEHAN

Hingga pada hari ini sa-ramai 11 orang guru sekolah menengah telah mendapat latehan di-pusat ini yang mana 6 orang daripada mereka telah menjalani kursus sa-penoh masa sa-chara latehan dalam perkhidmatan sa-lama 12 bulan. Sejak 2 tahun yang lalu sa-ramai 15 orang guru2 sekolah rendah telah di-lateh di-pusat ini dan mereka2 ini menghadhiri latehan sengkat sa-lama kira2 3 bulan, juga sa-chara latehan dalam perkhidmatan.

Menyentoh tentang latehan bagi guru2 dalam lengkongan Jabatan Pelajaran pula, bukan saja mereka ini di-beri peluang untok melanjutkan pelajaran di-Pusat Latehan Sinaut ini dalam negeri tetapi juga di-beberapa Pusat2 Pengajian Tinggi di-luar negeri bagi mengambil ijazah lanjutan, ijazah biasa, diploma pendidekan lanjutan, bagi misalan:

| | |
|---|---|
| 1977/78 | 46 orang |
| 1978/79 | 40 orang |
| 1979/80 | 43 orang |
| 1980/81 | 65 orang |

Bagi musim pendidekan 1981/82, tahun ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan:

(i) 3 orang mengambil ijazah lanjutan

(ii) 19 orang mengambil ijazah B.A., atau B. Ed.

(iii) 26 orang mengambil Diploma/Certificate

(iv) 12 orang pegawai pelajaran mengambil Post Graduate Diploma di-Singapura.

## TAHNIAH

Daripada jumlah kira2 168 orang guru2 yang di-temu-duga pada tahun akademik 1981/1982, sa-ramai 60 orang guru2 di-persetujui untok berlateh sama ada dalam skim latehan dalam perkhidmatan, skim chuti belajar dan skim chuti tidak bergaji. Ini dengan sendiri-nya menunjokkan latehan2 lanjutan ada-lah satu dasar yang di-amalkan tertaalok keupayaan Jabatan Pelajaran sendiri.

Saya juga menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kapada para peserta kursus pertanian yang lain-nya telah berjaya menamatkan kursus dan yang akan menerima sijil2 dan hadiah2 pada pagi ini. Sumbangan yang di-berikan oleh petani2 untok kesenangan kehidupan masharakat ada-lah jelas dan tidak dapat di-nafikan. Saya ingin menegaskan sa-kali lagi bahawa pertanian ada-lah penting kapada negeri kita ini. Pada masa ini negeri Brunei maseh bergantong kapada negara2 lain untok membekalkan sa-bahagian besar makanan, buah2an dan sayor2an. Dengan usaha pusat ini memberi latehan kapada Awang2 dan Dayang2 sekalian, ada-lah di-harapkan bahawa sedikit masa nanti, negeri kita ini akan berdikari dengan penghasilan bahan2 makanan dalam negeri-nya sendiri tanpa bergantong kapada negara2 lain.




## Jeket FADP di-lancharkan

SERIA.—Pelancharan tepi ketiga bagi jeket FADP—E telah berjaya di-lakukan akhir bulan lalu oleh Sharikat Minyak Shell Brunei. Jeket yang berkaki enam dan sa-berat 650 tan itu ada-lah merupakan yang terbesar pernah di-lancharkan sa-chara tepi sa-hingga ini.

Jeket pertama di-lancharkan mengikut chara tepi ini ia-lah CPDP-AL yang sa-berat 500 tan dan yang kedua pula ia-lah jeket CPEP-7.

Jeket FADP-E ini telah di-lancharkan kira2 sabatu dari tempat meletakkan-nya dan kemudian di-tunda ka-tempat di-mana ia-nya di-pasang oleh Tongkang 332.

GAMBAR ini menunjokkan keadaan jeket FADP-E sedang hendak di-dirikan.

# Lawat Projek

SA-BUAH projek perumahan telah di-lawati oleh beberapa orang dari kumpolan pengurusan Sharikat Minyak Shell Brunei baru2 ini. Projek tersebut ia-lah rumah2 pangsa bagi Pegawai2 Penyelia Kanan yang baharu berkahwin di-F19.

Kumpolan pengurusan tersebut terdiri dari Awg Peter Everett, Pengarah Urusan (depan sekali) dan di-ikuti oleh Awang Tony Brown (EPX) ketika keluar dari bangunan rumah2 pangsa tersebut. Terlindong dalam gambar ini ia-lah Pengarah Kakitangan, Awang Ken Prior dan Pengarah Kejuruteraan, Awang Richard Pardey.

## Penasehat Perniagaan

SERIA.—Sharikat Minyak Shell Brunei telah menubohkan sa-buah pejabat baru yang di-panggil PBA (Penasehat Peniaga Tempatan). Awang A. Cray, ada-lah di-tugaskan mengetuai pejabat tersebut dan memulakan tugas-nya pada 21hb September, 1981 yang lalu.





# SUBSIDI LEMBU UTK TIGA ORANG PELADANG MUDA

GADONG. — Tiga orang peladang muda sa-penoh masa yang kini di-tempatkan di-Steshen Luahan, Jerudong pada hari Rabu lepas telah menerima subsidi 21 ekor anak2 lembu dari McFarm Berhad, sabuah ladang ternakan lembu daging terbesar di-negeri ini yang di-jalankan sa-chara usaha-sama oleh kerajaan dan Mitsubishi Corporation.

Mereka yang menerima subsidi itu ia-lah Awang Rahman bin Idris, Awang Abdul Latif bin Jaafar dan Ak. Zainal Abidin bin Pengiran Mahmud. Ketiga2 mereka ini pernah mengikuti teori dan praktikal ternakan lembu di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

Majlis penyerahan subsidi anak2 lembu pada hari itu telah di-adakan di-Ladang Ternakan Lembu McFarm di-sini. Pelita difahamkan, ini-lah subsidi pertama dari McFarm Berhad sejak projek ini berjalan kira2 dua tahun yang lalu.

### CHITA2 BERSAMA

Pengarah Pertanian, Dato Paduka Abdul Hamid bin Jaafar dalam uchapan-nya di-majlis itu berkata bahawa subsidi ini menandakan terlaksananya chita2 bersama Kerajaan dengan Mitsubishi Corporation yang mereka harapkan akan memberi sumbangan penting kapada perkembangan dan kemajuan perusahaan lembu di-negeri ini.

Dengan kejayaan ini, jelas beliau, ia-nya memberi peluang2 yang luas kapada peladang2 tempatan untok di-eksploitasi dengan menggunakan bakat, kemahiran dan sumber yang ada pada diri mereka.

Awang Yamamoto, Yang Dipertua McFarm yang juga beruchap bagi pehak Mitsubishi Corporation telah melahirkan pandangan optimis-nya mengenai dengan keperluan daging lembu di-negeri ini.

Kata-nya: "Subsidi pertama anak2 lembu yang di-keluarkan oleh McFarm hari itu merupakan langkah pertama penchapaian hasrat kerajaan untok memajukan perusahaan lembu di-negeri ini dan menamatkan pergantongan import daging lembu dari negara luar."

### JENIS BAIK

Menyentoh dengan anak2 lembu yang di-pelihara oleh tiga orang peladang muda berkenaan, Pengawas mereka, Awang Ahmad bin Haji Rani menerangkan, "Anak2 lembu itu ada-lah jenis drought-master dan Brahman yang sangat sesuai di-pelihara di-sini."

Jabatan Pertanian, kata-nya, telah menyediakan kawasan sa-luas 9.5 ekar di-Luahan, Jerudong di-mana anak2 lembu itu di-gemokkan. Anak2 lembu itu akan menchapai berat 750 hingga 800 paun sa-telah ia-nya di-pelihara dalam masa dua tahun.

Lembu2 itu akan di-sembelih apabila ia-nya menchapai berat tersebut dan akan di-pasarkan kapada orang ramai dengan kadar yang amat sederhana berbanding dengan harga di-pasaran tempatan masa ini.

### DI-MONOPOLI

Bagi menjamin sistem jual beli daging2 yang di-hasilkan oleh para peladang muda ini, Pelita Brunei telah di-beritahu oleh Awg. Ahmad, bahawa satu sharikat kerjasama akan di-tubohkan sa-bagai agen yang akan bertanggong-jawab menjualkan daging2 itu terus kapada orang ramai tanpa melalui orang tengah.

"Kerana dengan ada-nya sharikat kerjasama ini nanti hasil daging2 lembu yang di-usahakan oleh peladang2 muda tidak akan di-monopoli dan terlepas kapada orang tengah malah mereka tidak akan menghadapi sa-barang masaalah mengenai dengan pasaran," jelas Awang Ahmad lagi.




**GAMBAR atas ia-lah tiga orang peladang muda yang menerima subsidi lembu itu — Awang Abdul Rahman Idris, Abdul Latif dan Ak Zainal Abidin, sementara gambar bawah pula kelihatan lembu2 tersebut di-angkut ka-kawasan projek Peladang Muda di-Luahan.**



# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 3hb. hingga 7hb. Oktober

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Awang Haji Mohd. Yussof, Kati Mahar | 3.10.1981 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 3.10.1981 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 3.10.1981 | Sabtu | 11.00–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 3.10.1981 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 3.10.1981 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 3.10.1981 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 5.10.1981 | Isnin | 1.45– 2.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanchang | 5.10.1981 | Isnin | 3.00– 4.00 | ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 6.10.1981 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 6.10.1981 | Selasa | 10.30–11.15 | ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar, Kiulap | 6.10.1981 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Jalan Gadong | 6.10.1981 | Selasa | 3.30– 4.00 | ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong | 6.10.1981 | Selasa | 4.30– 5.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 7.10.1981 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 7.10.1981 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 7.10.1981 | Rabu | 11.00–12.00 | T/Hari |

# DASAR PELAJARAN UGAMA DI-NEGERI ISLAM — SUATU PANDANGAN

PADA memberi pelajaran dan pengetahuan Islam kapada kanak2 dan belia2 Islam hendak-lah di-perhatikan kehendak dan tujuan Islam pada meletakkan tanggong-jawab ka-atas sa-seorang mukallaf itu terhadap hukum2 Islam yang mesti di-pikul-nya dan mesti di-hadapi-nya bagi sapanjang hayat-nya.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

## Siri ke-98

## BAHAGIAN I

### PERKARA2 WAJIB KA-ATAS ORANG MUKALLAF

DALAM Islam ada perkara yang di-namakan fardhu 'ain dan ada perkara yang di-namakan fardhu kifayah.

Islam mewajibkan ka-atas orang2 mukallaf mengenal Allah, Rasul2-Nya dan lain2 yang di-sebutkan oleh rukun iman. Ini nama-nya fardhu 'ain wajib ka-atas tiap2 diri saseorang mukallaf itu membuat dan mengerjakan-nya serta mengetahui-nya. Sementara perkara fardhu kifayah pula ia-lah saperti menolak faham Qadiani, Bahai, Batiniah dan ilmu2 salah dan sesat saperti ajaran Taslim atau ajaran Matahari. Begitu juga menolak faham Ibnu Taimiah dan faham Wahabiah dan perkara yang selalu di-hadapi oleh orang mukallaf saperti perkara tangkal, azimat, tawassul, istighathah, dan memuja hantu shaitan.

Islam mewajibkan orang2 mukallaf sembahyang, puasa, zakat dan haji mengikut sharat2-nya dan di-suroh berzikir dan berwirid.

### Menchari Kehidupan

ORANG mukallaf berhajat bermuamalah dan menchari kehidupan, dari itu di-wajibkan mengetahui hukum jual beli dan yang berkenaan dengan-nya saperti jual saham, melabor harta dan sa-bagai-nya; dan di-wajibkan mengetahui hukum2 riba' supaya menjauhkan riba', interes, bunga dari mu'amalah jual beli itu. Begitu juga wajib mengetahui hukum salam (tempah, oder); hukum hutang; hukum gadai; berkongsi; wakalah (berwakil); 'ariah (pinjam meminjam; ijarah (sewa menyewa); jaalah (upah mengupah); ihya'ul mawat (meneroka tanah); tanah kegunaan awam saperti jalan, lorong dan pasar; hibah (pemberian); sedekah; hadiah; wasiat; wakaf; wadiah (meletak dan mengamanahkan sa-suatu pertarohan) dan fara'idh. Perkara2 yang di-sebutkan ini ada kala-nya menjadi fardhu 'ain dan ada kala-nya fardhu kifayah yang akan di-hadapi oleh sa-seorang mukallaf dalam kehidupan sa-hari2.

### Rumah-Tangga

ORANG mukallaf belajar nikah kahwin; cherai; talak; rujo'; khulo' fasakh; nafkah dan hadhanah dalam kehidupan-nya. Dari itu wajib-lah ia mengetahui hukum2 dalam perkara nikah kahwin itu sa-belum melakukan sa-suatu dari perkara2 tersebut.

### Iman

ORANG mukallaf wajib tahu hukum riddah (keluar dari Islam) supaya ia jauhkan perkara yang membatalkan iman dan Islam, dan perkara yang boleh membawa ia keluar dari ugama Islam.

ORANG mukallaf wajib tahu bagaimana menjaga iman dan Islam dari batal dan rosak dan menyebabkan sa-seorang terkeluar dari Islam; dan tahu akan perkara2 yang membatalkan iman dan Islam supaya ia berjaga2 dan beringat2 dari yang membatalkan iman itu.

### Jenayah

ORANG mukallaf wajib tahu hukum qisas; sariqah (churi); zina (berkandak); minum arak dan tuak; hukum mencheroboh; berlumba dan beradu kekuatan dan judi dan sa-bagai-nya supaya ia dapat menjauhi perkara2 haram dan dosa besar itu.

### Makan Minum

ORANG mukallaf wajib tahu mana makanan yang halal dan menyembeleh binatang yang halal supaya ia memakan benda2 yang halal dan menjauhkan memakan benda2 yang haram dan najis. Halal-haram adalah satu dari dasar2 Islam.

### Akhlak

ORANG mukallaf wajib bersifat dengan berperangai yang baik dan menjauhi perangai jahat. Dari itu ia wajib mengetahui apa dia perangai baik dan apa pula perangai jahat.

ORANG mukallaf wajib menjaga anggota yang tujoh dari melakukan dosa dan maksiat bagaimana yang di-sebutkan dalam kitab2 akhlak dan tasauf supaya dapat ia berperangai yang baik dan menjauhi perangai yang jahat dan dapat menjauhi dosa2 dari anggota2 yang tujoh itu.

WAJIB ia mengetahui perkara hiboran, bunyi-bunyian, sokan, kebudayaan — mana yang harus dan boleh di-buat, dan mana pula yang di-larang dan haram di-buat. Dan begitu juga ia wajib tahu perkara daiyuth (dayus); fasik dan qawwad.

### Ma'aruf dan Munkar

ORANG mukallaf wajib bangun menyuroh orang berbuat baik (amrun bilma'aruf); dan menegah orang dari berbuat dosa serta maksiat (nahyun 'anilmunkar). Perkara ini ada kala-nya fardhu 'ain dan ada kala-nya fardhu kifayah.

### Jihad

ORANG mukallaf wajib berjihad dan wajib tahu chara berjihad yang mana jihad itu ada kala-nya fardhu 'ain dan ada kala-nya fardhu kifayah.

### Pakaian dan Pergaulan

ORANG mukallaf wajib tahu apa pakaian yang halal di-pakai dan apa yang haram di-pakai — bagi lelaki dan perempuan; dan wajib tahu chara memakainya.

ORANG Islam wajib tahu mana pergaulan yang harus dan mana pergaulan yang haram, yang fasik, dayus dan qawwad di-antara lelaki dan perempuan yang ajnabiah.

### Ta'at

ORANG mukallaf wajib ta'atkan Allah dan ta'atkan Rasulullah s.a.w., dan wajib ta'atkan pemerentah Islam —

*WALLAHU A'ALAM.*

(Bersambong)

## KURSUS PENDA'AWAH

BANGAR — Kursus Penda'awah di-Daerah Temburong yang di-anjorkan oleh Yunit Gerakan Da'awah daerah itu di-teruskan lagi pada hari Khamis lepas. Hampir lima puloh orang peserta telah menghadhiri kursus tersebut yang terdiri dari Pegawai2 Kerajaan, orang awam dan muallaf2 di-daerah itu.

Menurut pehak penganjor, kursus itu ada-lah menggalakkan dan mendapat sambutan dari masharakat di-sana. Kursus itu di-adakan sa-lama dua jam bermula dari jam 9.00 pagi bertempat di-Masjid Utama Mohammad Salleh di-sini. Ia-nya di-kendalikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Ustaz Haji Abd Aziz bin Juned.

Kursus itu akan di-teruskan lagi pada 22hb Oktober dan 19hb Nobember depan di-tempat dan masa yang sama. Orang ramai yang ingin menyertai kursus itu boleh-lah mendaftarkan diri di-Pejabat Yunit Gerakan Da'awah yang berkenaan sawaktu pejabat di-buka.

*MINGGU HADAPAN — ULASAN TERHADAP SUKATAN PELAJARAN*

# KELEBEHAN SA-SEORANG MANUSIA TERLETAK PADA TAKWA-NYA



MARI-lah kita memelihara ikatan persaudaraan, supaya dapat-lah kita menjamin keselamatan dan kesejahteraan di-dalam hidup, baik sa-bagai perseorangan mau pun untok kesejahteraan masharakat kita bersama seluroh-nya. Tidak ada tempat dalam hidup bermasharakat itu berdengki-dengkian, hidup dengan indah mengindahkan antara satu dengan yang lain, apa lagi hidup sa-chara tindas menindas yang sa-orang mengharapkan untong atau merasa bangga atas kerugian orang lain.

### BERTENTANGAN

Tolong menolong ada-lah adat dunia yang hendak selamat. Yang demi-kian itu ada-lah bertentangan jauh dengan faham "berbuat hidup" yang di-bawakan orang dengan nama "perjuangan untok hidup", ia-itu faham yang menjanjikan kejayaan menyambong nyawa dan memanjangkan hidup bagi yang menang dan yang lebeh kuat, sambil menewaskan serta mengechewakan hidup siapa yang lemah dan yang kurang pandai.

Bukan-lah perbuatan atau perlumbaan hidup yang harus menjadi pokok pangkal daripada hidup bermasharakat itu, melainkan berlumba2 berbuat baik, membanyakkan menafaat bagi sesama manusia saperti tersebut dalam hadith: yang bermaksud kira2: "Sa-baik2 manusia ia-lah orang paling banyak memberi manafaat kapada manusia."

### FARDHU KIFAYAH

Hidup kita sa-bagai umat Islam perlu-lah memikul segala usaha untok mengamankan, mententeramkan, dan mensejahterakan kehidupan masing2 dan kehidupan bersama dalam masharakat itu. Itu-lah yang di-namakan "fardhu kifayah" yang mesti di-chukopkan dalam suasana masharakat yang terator. Tetapi yang tiap2 kita tidak terlepas daripada tanggongan apabila maseh ada di-antara keperluan itu yang belum di-sempurnakan. Tanggongan masing2 ada-lah menurut kadar dan kedudokan masing2 pula.

Maka nyata-lah bahawa tuntutan Islam itu bertentangan dengan tiap2 faham yang memechah belah manusia atau golongan2 yang bertentangan kepentingan, yang dengan tegas-nya di-istilahkan mereka, golongan yang satu hanya akan berjaya dengan tundok atau binasa-nya golongan yang lain dengan tidak mengenal ampun.

Pandangan kita kapada sesama manusia amat-lah luas. Seluroh umat manusia baik warna kulit, bangsa dan keturunan apa pun, semua-nya ada-lah dari satu keturunan belaka. Seluroh bangsa di-timor dan di-barat, di-semua benua dan wilayah, ada-lah umat yang satu. Dan hidayat kelslaman pun bukan-lah monopoli sa-suatu golongan. Sa-seorang manusia atau suatu golongan, tidak-lah berlebeh daripada saudara-nya kechuali kerana takwa-nya.

Kehidupan, bukan-lah perebutan rezeki dan pengaroh. Bukan tindasan yang kuat ka-atas yang lemah. Bukan pertentangan yang kaya dengan yang miskin. Tetapi hidup ia-lah perlumbaan di-dalam menegakkan sa-banyak2 kebajikan untok sa-sama manusia. Hidup ia-lah iman dan amal saleh. Hidup ia-lah membuat jasa yang sa-banyak2-nya. Itu-lah dua tali yakni iman dan amal saleh, tali Allah dan tali manusia yang harus kita pegang tegoh, yang satu sama kuat-nya dengan yang lain.

### AJARAN SALAH

Sa-sunggoh-nya bahaya yang sangat besar mengancham hidup dan kehidupan masharakat dan negara dengan kebinasaan ia-lah apabila kita terbawa2 oleh ajaran2 yang salah, kita terjerumus kadalam jurang perpechahan menjadi golongan yang berperang antara satu dengan yang lain, dengan tidak mengenal takwa kapada Allah dan memungkiri petunjok2 daripada Tuhan menerusi ajaran2 ugama-Nya.

Kerana itu wahai kaum Muslimin, dalam kita berusaha meninggikan taraf hidup atau dalam usaha menaikkan nama masing2 di-dalam hidup ini, jangan-lah sampai kita terlepas pegangan tanpa menghiraukan kebajikan orang2 lain. Supaya rasa perpaduan dan persaudaraan sa-sama Islam itu tidak terjejas. Mari-lah kita terus menerus memelihara persaudaraan demi untok menchapai keredhaan Allah s.w.t. dan demi untok menambahkan keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan kita bersama.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb September, 1981 hingga ka-hari Selasa 6hb Oktober, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30hb Sept | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 1hb Okt | 12.16 | 3.35 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 2hb Okt | 12.16 | 3.35 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 3hb Okt | 12.16 | 3.35 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 4hb Okt | 12.16 | 3.35 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 5hb Okt | 12.16 | 3.35 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 6hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



GAMBAR atas: Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Ugama Awang Haji Mohd Zain menguchapkan selamat belayar kapada bakal2 haji dalam rombongan ke-empat yang telah bertolak pada 21hb September yang lalu.



# Prasangka merosakkan perpaduan umat Islam

MEMPERKATAKAN tentang sifat prasangka sa-bagai sifat-nya merosakkan perpaduan umat Islam dan peranan peri mustahak-nya persaudaraan dalam Islam atau lebeh di-kenal dengan sebutan 'Ikhwah Islamiah', maka dalam soal persaudaraan dalam Islam ini, mari-lah kita mengamat-amati akan maksud sa-potong firman Allah s.w.t., dalam Surah Al-Hujurat ayat 10, yang kira2 bermaksud: *"Sesunggoh-nya orang2 Mu'min ada-lah bersaudara, kerana itu damaikan-lah antara kedua saudara-mu dan bertakwa-lah kapada Allah supaya kamu mendapat rahmat."*

Dari maksud firman Allah tadi, ternyata-lah bahawa ugama Islam itu di-tegakkan di-atas asas Iman dan Takwa, dan masharakat Islam di-dirikan di-atas lunas2 persaudaraan Islam, kerana itu jika prasangka jahat terhadap saudara sa-ugama di-lakukan sudah tentu akan memechahkan perpaduan umat dan ini bererti pechah-lah perpaduan dan sa-terus-nya akan hanchor-lah Islam. Jadi sunggoh jelas-lah peranan prasangka itu bukan sahaja bahaya-nya kapada masharakat Islam tetapi juga bahaya bagi Ugama Islam itu sendiri, kerana akar umbi-nya dalam membena Islam itu ada-lah di-asaskan kapada persaudaraan, dengan roboh-nya ikatan persaudaraan yang merupakan tenaga pengikat yang kuat bagi tegak-nya Islam itu, maka Islam juga akan turut terkubor.

### KEPERCHAYAAN

Perlu-lah di-ketahui bahawa masharakat Barat atau Eropah di-tegakkan di-atas tenaga pengikat yang bersumberkan kapada pertalian darah dan untong rugi, tanpa ada-nya unsor2 yang sa-demikian itu, pasti-lah masharakat mereka akan menjadi longgar. Kerana unsor2 yang berlunaskan pertalian darah tidak akan dapat bertahan lama lantaran tidak ada-nya ikatan yang kuat oleh keperchayaan (akidah) dan shariat. Masharakat Barat atau Eropah sekarang ini kian berpechah belah dan berantakan sor-ansor menuju ka-arah kehidupan perseorangan kerana prinsip2 yang mereka amalkan. Tetapi masharakat yang kuat dan kukoh, ia-lah masharakat yang bersumberkan Iman dan Ikhwah (persaudaraan) sa-bagaimana yang di-asaskan oleh Ugama Islam.

**O Bingkisan minggu ini**

### MEMUSOHI

Di-sebabkan sumber2 sa-demikian-lah ugama Islam sangat memusohi sifat prasangka jahat yang menjadi puncha perpechahan umat, kerana ia-nya bukan sahaja sa-bagai unsor pemechah masharakat, bahkan juga di-kira sa-bagai penghalang perancha ngan kemajuan negara, dengan erti kata yang lain bahawa mereka yang bersifat sa-demikian tidak suka melihat sa-seorang itu hidup berbahagia, dan kalau boleh ia mahu menyekat atau menghalang segala rupa kemajuan dari di-laksanakan.

### PERPADUAN

Memandangkan betapa bahaya-nya sifat prasangka itu kapada kehidupan bermasharakat, khusus-nya masharakat umat Islam, maka sifat saperti itu tidak-lah harus di-amalkan oleh kehidupan perseorangan Muslim. Sa-balek-nya apa yang patut di-lakukan oleh sa-seorang Muslim itu ia-lah memperkukohkan Iman kapada Allah s.w.t., dan memperer atkan lagi hubongan Ikhwah Islamiah, dan berusaha sa-boleh mungkin untok mengelakkan diri dari melakukan sa-suatu yang boleh membawa kapada perpechahan umat, atau lebeh tegas lagi ia-lah menghapuskan segala unsor2 yang chuba memporak-perandakan kedamaian dan kesentosaan sa-sama umat Islam, dengan berbuat sa-demikian kita akan kekal bersatu padu dan tegoh dengan perpaduan.

Demikian-lah betapa bahaya-nya sifat prasangka dan peri mustahak-nya mengukohkan persaudaraan dalam Islam guna untok kebaikan seluroh umat manusia khusus-nya umat Islam. Maka untok itu mari-lah kita jauhi sifat prasangka dan sa-baliknya membena benteng yang kukoh dalam membangun persaudaraan sa-sama Islam. Sesunggohnya Junjongan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w., akan gembira dan berbangga kerana melihatkan umat-nya bersatu padu dalam mengukohkan perpaduan ugama Allah yang Maha Suchi, dengan demikian akan memudahkan kita sa-bagai umat-nya memperolehi shafaat dalam menghadapi neracha agong Allah s.w.t.

# USAHA2 MENERBITKAN BUKU CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pada hari Khamis, 10hb. September yang lepas Memoranda Perjanjian untok menerbitkan buku *Chator — Permainan Diraja* telah sempurna di-tandatangani antara penulis-nya Awang Stewart Wavell dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Upachara sengkat itu telah berlangsong di-Bilek Pengarah.

Dewan Bahasa dan Pustaka telah di-wakili oleh Pemangku Pengarah, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani dan Pegawai Bahasa, Awang Md. Ali Haji Abd. Razak salaku saksi Pemangku Pengarah. Awang Haji Yusof bin Haji Abd. Kadir telah menandatangani salaku saksi penulis. Turut hadhir di-upachara tersebut ia-lah Dayang Shamsiah Haji Abdi Manaf.



GAMBAR atas kelihatan Pemangku Pengarah DBP, Pengiran Badaruddin dan Awang Stewart Wavell menandatangani Memoranda Perjanjian dengan di-saksikan oleh Awang Md Ali (kedua dari kanan) dan Awang Haji Yusof (kiri). Turut hadhir (paling kanan) ia-lah Dayang Shamsiah. Gambar2 kanan dan bawah ia-lah buku2 yang akan di-terbitkan oleh DBP. — Gambar ehsan DBP.




## DI-TERBITKAN

Buku *Chator — Permainan Diraja* di-jangka akan dapat di-terbitkan pada penghujong tahun ini. Buku ini mengandongi 224 muka surat yang terbahagi kapada 48 bab. Artikel2 dalam buku ini pernah di-siarkan bersiri-siri dalam *Pelita Brunei* sapanjang tahun 1978. Artikel2 dalam *Pelita Brunei* dan untok buku ini tidak mungkin dapat di-terbitkan tanpa kerjasama dan bantuan erat daripada Awang Mahmud Haji Bakyr yang ketika itu menjadi Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Jasabaik dan usaha gigih beliau menterjemahkan buku ini sa-hingga sa-olah2 kita merasakan membacha sa-buah karya asli tidak dapat di-abaikan dan di-anggap sepi dalam usaha penerbitan buku ini.

## PEMAIN CHATOR

Penulis buku ini, Awang Stewart Wavell ketika ini berkhidmat di-Radio Talivishen Brunei sa-bagai Pengurus Penerbitan Ranchangan (Radio). Beliau sendiri ada-lah sa-orang pemain chator yang gigih — pernah menjadi Juara Chator di-Brunei dalam tahun 1978. Beliau turut memberi nafas dalam pergerakan dan perkembangan Persatuan Chator Brunei dan Persatuan Chator yang di-tubohkan di-Radio Talivishen Brunei.

Buku ini di-jangka akan dapat di-terbitkan dan di-edarkan pada penghujong tahun ini. Buku ini bukan sahaja akan berguna untok bachaan penuntut2 di-negeri ini tetapi juga berguna kapada peminat2 chator yang ingin meninggikan mutu permainan dengan mempelajari dan mengetahui chara2 permainan pemain2 yang terkenal di-bidang permainan chator ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka sa-bagai penerbit buku-buku teks, tambahan dan buku2 untok bachaan umum sentiasa berusaha untok mendapatkan manuskrip dari penulis tempatan dan orang ramai untok di-terbitkan. Dalam rangka penerbitan bulan Ogos — Oktober, beberapa buah tajok buku di-jangka akan dapat di-terbitkan.






## PERIBAHASA

Dalam bulan Ogos, sa-buah buku telah di-terbitkan. Buku itu bertajok *Peribahasa Sekolah Rendah*. Buku ini mengandongi 168 peribahasa yang antara-nya senghaja di-masokkan peribahasa Melayu Brunei. Buku ini di-hasratkan untok di-gunakan untok murid2 dalam Darjah III, IV, V dan VI.

Pada penghujong bulan September ini dua buah buku lagi di-jangka dapat di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku-buku tersebut masing2 berjodol *Seni Khat* yang akan di-terbitkan dalam tiga jilid, Siri Dunia Serangga yang akan di-terbitkan dalam empat jilid.

Pada bulan Oktober nanti beberapa buah tajok buku di-jangka dapat di-terbitkan. Buku2 tersebut antara-nya lima buah buku di-bawah Siri Cherita Raayat Brunei yang masing-masing berjodol — Beristerikan Barbalan, Raja Rangit, Orang Kayong, Wang Pandir I, Wang Pandir II. Sementara itu dua buah novel yang masing-masing berjodol *Gegaran Sa-musim* karya Md. Salleh Abd. Latiff dan *Darah Kedayan* karya Harun Aminurrashid juga di-jangka terbit dalam bulan Oktober ini.



PENGIRAN Ismail bin Pg Hashim (gambar atas) kini sedang berada di-Kanada untok melanjutkan pelajaran-nya bagi mendapatkan ijazah Sarjana Muda Sains di-Universiti Mc Gill, Montreal.

Pengiran Ismail, Pensharah di-Pejabat Latehan Pertanian Sinaut, mengikuti kursus sa-lama tiga tahun itu di-bawah biasiswa latehan dalam perkhidmatan.

# $10 ribu utk Tabong Orang2 Chachat

BANDAR SERI BEGAWAN—Sharikat Pemasaran Shell Brunei Berhad telah menyumbangkan derma berjumlah $10,000.00 kapada Tabong Orang2 Chachat.

Wang tersebut telah di-serahkan oleh Pengurus Umom sharikat itu, Awang Sandy Livingstone kapada Pemangku Pengawal Radio dan Talivishen, Awang Alimin bin Haji Abd Wahab di-pejabat sharikat itu di-sini pada hari Khamis lepas.

Awang Alimin kemudian-nya menyerahkan wang berkenaan kapada Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan yang juga selaku pengerusi tabong tersebut.

Upachara penyerahan wang itu berlangsong di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan di-sini pada hari yang sama.

# Kursus pengenalan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kursus pengenalan bagi siswazah2 yang baharu berkhidmat dengan kerajaan akan di-adakan mulai hari ini 30hb September di-Pusat Latehan, Jabatan Perjawatan di-sini.

Kursus sa-lama tiga hari itu akan di-sertai oleh sa-ramai 16 orang siswazah dari lapan buah jabatan2 kerajaan.

Pensharah2 yang akan memberikan cheramah dalam kursus itu nanti ada-lah terdiri daripada Pegawai2 Kanan Kerajaan.

# Pegawai2 AMDB berkursus

BERAKAS. — Beberapa orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom dan Republik Singapura baru2 ini, untok mengikuti berbagai kursus makenik, teknikal, kejuruteraan dan ketenteraan.

6040 Perajurit Bahari bin Raga dari Bengkel Pasokan, kini mengikuti kursus Vehicle Electrician NCO Kelas II bagi sa-lama lebeh kurang enam minggu, bermula pada 21hb. September lalu, di-Sekolah SAF Ordnance, Kem Ayer Rajah II di-Republik Singapura.

## KURSUS IJAZAH

Juga berlepas ka-United Kingdom minggu lalu ia-lah 138 Lt. Kamaluddin bin Haji Ibrahim dari Pusat Latehan, yang akan mengikuti kursus ijazah di-Maktab Tentera Diraja Science Shrivenham, Swindon. Kursus sa-lama lebeh dari dua tahun itu akan berakhir dalam bulan Julai, 1984.

Empat orang lagi anggota dari Pusat Latehan juga kini sedang berada di-United Kingdom bagi menghadhiri Latehan Bahasa Inggeris, di-The Bell College South Road, Saffron dan di-The Bell School, Bowthorpe Hall.

Mengikuti kursus yang akan berakhir pada 31hb Januari, 1982 itu ia-lah 6130 Pegawai Kadet Roslan bin Hamdan, 6311 Pegawai Kadet Azlan bin Hj. Mohd. Saji, 6319 Pegawai Kadet Ak. Zulkifli bin Pg. Ismail dan 6323 Pegawai Kadet Mohd. Taha bin Mohd. Yusof.



Abas bin Haji Bagol

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga telah menghantar 5438 BDSM Janaidi bin Bahar, 6107 BDSM Mohamad bin Md. Salleh dan 6162 BDSM Rosly bin Ahmad dari Kompeni RHQ, untok

Lihat muka 15

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 30HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DISCOVERY: "One Man Mat"
5.30 GODZILLA
6.00 BERITA AWAL
6.05 MORK AND MINDY: "Mork and Mindy"
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 MORK AND MINDY — sambongan
6.35 SAPPHIRE AND STEEL (Siri terakhir)

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR: "The Fast and The Furious — Bahagian 2
7.33 AZAN ISHA
7.37 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 GIVE US A CLUE: Ep. 4
9.15 KNOT'S LANDING: "Bottom of the Bottle" — Bahagian 2
Hubongan Gary dan Val menghadapi kesulitan. Sementara itu Ginger dan Kenny juga menghadapi sengkata rumah-tangga — siri terakhir.
10.05 TAYANGAN GAMBAR: "Jack of Diamonds"
11.30 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 1HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 DRAK PACK
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 DRAK PACK — sambongan
6.35 SPECTRUM: "Plastic"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY: "Cruise Ship to the Stars"
Di-atas kapal layar angkasa yang serba mewah Buck Rogers mesti menyelamatkan Miss Cosmos sa-orang wanita sempurna dari sa-orang pencholek yang penoh misteri dan mempunyai kuasa2 yang luar biasa.
7.31 AZAN ISHA
7.35 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
8.45 CHERAMAH: "Perpaduan dalam Islam"
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 THREE'S COMPANY: "Bird Song"
10.10 RICKER. "Sister"
11.00 DRAMA SPECIAL: "True Position"
Sa-buah drama yang penoh suspen mengesahkan sa-orang lelaki yang dijangkakan memenangi perlumbaan kapal layar mengelilingi dunia tiba2 hilang.
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 2HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME (ulangan)
5.15 CHILDREN'S SERIAL: "The Deserted Village"
5.30 THE LONE RANGER: Ep. 8
6.00 BERITA AWAL
6.05 DR WHO: "Creatures from the Pit" Bhg. 4
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 DR. WHO — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ALOHA PARADISE: "Everett and the Wolf"
Everett, sa-orang tukang kebun di-beri layanan sa-bagai sa-orang raja bila ia di-namakan sa-bagai pekerja terbaik. Sa-orang tetamu yang jelita salah anggapan dan menyangka Everett ada-lah orang kaya dan ingin mendekati-nya.
7.31 AZAN ISHA
7.35 ALOHA PARADISE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 AN EXCEPTIONAL CHILD: "Debra Sanderson"
Ketika berusia dua tahun, perkembangan daya fikiran Debra Sanderson terhenti. Dalam siri ini kita akan dapat mengikuti usaha2 Dr. Geoffery Waldon untuk memulehkan Debra.
9.00 THE STOCKARD CHANNING SHOP Ep. 208
9.30 GUSTI
10.15 THE SWEENEY: "Sweet Smell"
11.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 3HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.35 BEWITCHED Ep. 246 "Samantha on Thin Ice"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY: "By their Faith"
7.31 AZAN ISHA
7.35 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Pencopet"
11.10 THE BIG VALLEY: "Danger Road"
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 4HB. OKT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE: "The Big Fifty"
4.00 SUNSHINE: "Leave It to Weaver"
Sam terpaksa menjaga Jill. Weaver berpendapat ini menyebabkan kumpolan mereka tidak maju. Lalu ia pun menarek diri dari kumpolan itu.
4.20 KAP KAP UDANG
4.50 BAGPUSS
5.05 SHAZAM
5.25 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 RENGKASAN BERITA
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLASH GORDON
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 FLASH GORDAN — sambongan
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES: "The Endless Sea"



TWIKI (Felix Silla) dalam satu adegan dari siri 'Buck Rogers in the 25th Century' dalam episod "Cruise Ship to the Stars."

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS — "One Daisy Per Summer"
Daisy tiba di-Los Angeles sa-bagai ratu chantek, dan menyertai pertandingan memandu, tetapi Enos dan Turk terpaksa menyelamatkan-nya, dari terlibat dengan penyeludup2 berlian.
7.31 AZAN ISHA
7.35 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HOW TO DRIVE: "Steering, Gear Changing and Braking."
8.45 DAD'S ARMY — Ep. 5.
9.15 DRAMA "Darah" (ulangan)
10.00 LOVE IN A COLD CLIMATE: "Rings and Things"
Uncle Matt enggan menyetujui perkahwinan di-antara Linda dengan Tony Kroesig. Kemudian-nya atas desakan Sadie, Uncle Matt membenar Linda mengahwini Tony.
10.50 ARMCHAIR THRILLER: "The Victim" — Bhg 6.
11.20 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 5HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME Ep. 6 (ulangan)
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMAL WORLD: "Alaska Wildlife"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN: "Four O'Clock Army"
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "What Murder"
7.31 AZAN ISHA
7.35 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 ULANG TAHUN KE-15 CHAWANGAN UDARA AMDB 1981
9.20 SKAGG — siri pilot Bhg. 2
10.00 SPECIAL CHILD
10.30 CLIFFHANGERS: "The Compliation of the West" Bhg. 4 (siri terakhir)
11.25 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 6HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH "Bus Company"
5.15 LITTLE BLUE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA AWAL
6.05 LIFE ON EARTH: "Life In The Trees"
6.14 AZAN MAGHRIB
6.18 LIFE ON EARTH — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE: "Gambit"
7.30 AZAN ISHA
7.34 NERO WOLF — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.30 TAYANGAN GAMBAR: "The Journey"
10.50 BOGNOR
11.20 SIARAN TAMAT.

# PERJUMPAAN PENULIS2 TANAH AYER

SEMUA penulis2 tanah ayer ada-lah di-jemput untok menghadhiri satu perjumpaan bagi mendengar taklimat tentang penulisan skrip drama talivishen yang akan di-adakan di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad, 4hb Oktober, 1981 jam 9.00 pagi.

Tujuan di-adakan perjumpaan antara penulis2 ini ia-lah untok menerangkan thema dan jalan cherita bagi drama talivishen bersiri sa-bagai persediaan untok menyambut Hari Kemerdekaan Brunei 1983.

Pemangku Penolong Pengawal RTB, Awg Alimin bin Haji Abdul Wahab dan Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pg Ghani sa-laku Pengerusi bersama penal drama TV Sambutan Hari Kemerdekaan akan menyampaikan penerangan2 rengkas berhubong dengan thema dan jalan cherita drama tersebut yang boleh di-jadikan panduan bagi penulisan.

Sa-lepas mendengar penerangan2 itu nanti penulis2 di-pelawa untok menulis skrip drama yang di-kehendaki dan di-beri tempoh sa-lewat2-nya sa-bulan untok menyiapkan-nya.

intisari RTB minggu ini

# RESEPI2 MINGGU INI

## BINGKA TELOR

**Bahan2-nya : —**

15 biji telor ayam
$1\frac{1}{2}$ kati gula pasir
1 kati tepong gandom
2 biji kelapa ambil santan gunakan $5\frac{1}{2}$ tin (susu manis)
13 biji buah pelaga di-tumbok kasar2
1 sudu teh jintan manis „
5 helai daun pandan „
Sedikit minyak sapi atau mentega untok sapu achuan.

**Peratoran-nya :**

1. Telor dan gula di-kachau hingga gula-nya hanchor. Sa-telah hanchor masokkan bahan2 yang telah di-tumbok. Kachau rata2 dan tapis.
2. Masokkan tepong, sedikit2 berselang dengan santan hingga kedua2 bahan ini habis. Tapis sekali lagi.
3. Sapu achuan dengan minyak sapi atau mentega dan tuangkan adunan ka-dalam-nya. Bakar-lah hingga masak dan kuning.

## POLYNESIA PUDDING

**Bahan2-nya : —**

4 biji merah telor
12 ozs gula pasir
6 ozs mentega
6 ozs. susu chair
6 ozs ayer
4 sudu makan tepong Mazina
40 ozs ayer untok di-masak dengan agar2
1 sudu teh serbok vanilla
$\frac{3}{4}$ tahil agar2

**Peratoran-nya :**

1. Agar2 di-rendam; sa-telah kembang di-toskan ayer-nya dan di-masak dengan 40 ozs ayer hingga agar2 hanchor.
2. Masokkan gula, biarkan mendideh dan kemudian di-angkat dan di-tapis.
3. Sementara menunggu agar2 mendideh; pukol telor sekadar mesra puteh dan kuning telor, kemudian masokkan tepong Mazina yang telah di-hanchor dengan sedikit ayer (dari 6 ozs ayer) kachau rata2 baru-lah masokkan susu chair dan ayer.
4. Masokkan adunan telor ka-dalam sa-buah periok dan masokkan pula agar2 yang telah di-masak — kachau rata2. Jerangkan di-atas api dan masokkan mentega. Masak-lah sahingga sekali mendideh. Angkat dan tuangkan ka-dalam achuan pilehan puan2.







PADA Keluaran minggu ini ranchangan Kampong Terpuji akan di-isikan dengan penyertaan Kampong Lumapas dari Daerah Brunei-Muara. Pendengar dapat mengikuti berbagai-bagai perkembangan dan juga kegiatan yang di-lakukan oleh pendudok2 Kampong Lumapas. Ranchangan ini akan ka-udara pada hari Ahad ini jam 2.00 petang dan akan di-ulang lagi siaran-nya pada hari Jumaat depan jam 8.30 malam.

Gambar menunjokkan kegiatan yang di-lakukan oleh pendudok Kampong Bukit Sawat yang mana ranchangan ini telah di-keluarkan pada 6hb Septembr yang lalu.

# SANDIWARA RAD

## "KEHILANGAN

MASAALAH didekan dan belaian kaseh sayang anak2 sa harus-nya di-ambil perhatian oleh sa-tiap ibu-bapa dala menyantuni mereka.

Sandiwara Radio KEHILANGAN YANG KETARA ka ini akan mengketengahkan persoalan tersebut. Di-mana pen lis Hadzri Abdul Talib telah chuba membayangkan bagaiman chara-nya untok menjalin kaseh sayang itu terhadap anak2.

Rabitah, watak utama dalam cherita ini telah menyeda bagaimana kaseh sayang sa-laku sa-orang ibu telah meroso akibat belaian kaseh sayang anak2-nya itu telah terchurah k pada orang gaji-nya Makchik Leha.

Bakri sa-bagai sa-orang suami Rabitah kurang mengenali sa tentang belaian kaseh sayang anak2 mereka. Di-mana Bak sentiasa sebok dengan soal2 pekerjaan-nya, sedangkan Rabi tah kesebokan pekerjaan harian-nya itu tidak di-padamka dengan kaseh sayang terhadap anak2.

*CHATETAN RENGKAS:*

# PERLEMBAGAAN TAPAK PENERUS KEMAJUAN BRUNEI

**Susunan : Noorasidah Haji Ali Omar**



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin.

STRUKTUR pembangunan Brunei Darussalam, kalau kita tinjau begitu jauh berbedza dari dulu. Nadi2 pembangunan sangat2 di-rasakan. Bangunan2 mula munchol di-sana sini, keadaan lalu lintas bertambah sebok dan pendudok negeri kian bertambah dan kini berjumlah lebeh dari dua ratus ribu orang.

Sambil itu kita tidak akan lupa siapa yang telah banyak memberi perangsang kapada Brunei dalam memperjuangkan chita2-nya untok maju saperti negeri2 lain. "Akitek Brunei Moden" begitulah gelaran di-beri kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin. Ini bersesuaian sekali kerana jasa Baginda dapat kita rasakan hingga hari ini.

Pengorniaan penting dalam masa pemerentahan Baginda ia-lah sa-buah perlembagaan yang di-tanda tangani pada 29hb September 1959 dengan sa-orang wakil pehak Kerajaan British, Sir Robert Scott. Perlembagan itu menetapkan kuasa pemerentah di-tangan Duli Yang Maha Mulia dan untok menjalankan kuasa tersebut, tiga buah majlis mashuarat telah di-bentok, Majlis Mashuarat Negeri, Majlis Mashuarat Kerajaan dan Majlis Mashuarat Diraja. Kuasa mentadbir pula di-letak di-tangan Menteri Besar yang di-bantu oleh Setia Usaha Kerajaan. Perlembagaan itu juga meletakkan Islam sa-bagai Ugama Rasmi dan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi. Sementara itu pehak Kerajaan British hanya mempertanggong-jawabkan hal ehwal luar negeri Brunei.

## DALAM TEMPOH 17 TAHUN

Tidak-lah dapat kita sangkal dari sejak pemerentahan Baginda dari bulan Jun 1950 dan turun tahkta Kerajaan dengan sukarela Baginda pada 4hb Oktober 1967. Brunei membangun dengan pesat-nya. Brunei Darussalam sudah banyak bertukar wajah.

Kesedaran Baginda dalam membangun Brunei dapat dilihat dengan terdiri-nya bangunan kedai dalam tahun 1951, tempat hiboran saperti panggong wayang juga di-bena (2 buah) dan beberapa tahun salepas itu pula ia-itu dalam tahun 1954, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-dirikan dan termasok juga Lapangan Terbang Berakas siap pembenaan-nya. Bangunan Pusat Belia mula di-bena dalam tahun 1965 dan bagi kemudahan raayat sa-buah Ampangan Tasek juga telah di-bena sa-luas 60 ekar.

## MASJID DAN SURAU

Kegigihan Baginda dalam usaha untok meninggikan taraf Negeri Brunei Darussalam bukan saja terletak pada rupa bentok bangunan2 tinggi. Islam juga memainkan peranan penting. Sa-bagai sa-orang Raja yang kuat berpegang tegoh pada Ugama Islam, masjid2 dan surau2 telah di-bena. Ini terutama-nya ia-lah pembenaan Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin yang tersergam indah di-ibu kota, yang telah banyak menjadi tumpuan pelanchong2 luar negeri. Masjid tersebut telah di-rasmikan oleh Baginda sendiri dalam bulan Jun 1958. Tidak lama lepas itu, Pejabat Hal Ehwal Ugama pula di-bena.

Untok memudahkan lagi pentadbiran negara, sa-buah lapau juga di-bena untok persidangan majlis mashuarat negeri dalam tahun 1965 yang mana telah siap pada tahun 1967.

Usaha2 juga telah di-buat untok membena Pusat Kebudayaan Sir Winston Churchill saorang hero dalam perang dunia kedua. Sa-lain dari itu Setor Negara di-Jalan Gadong, Steshen Bas baru di-ibu kota, Kelinik Haiwan di-Jalan Berakas, Pejabat Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah di-bena atas daya inisiatif Baginda sendiri.

## TARAF PELAJARAN

Taraf pelajaran tidak juga dilupai Baginda. Sa-bagai saorang raayat terutama sekali pelajar2 tentu-lah tidak akan dapat melupai jasa2 Baginda, pelajaran perchuma di-berikan dari sekolah rendah hingga-lah ka-perengkat universiti. Tidak chukup dengan itu sekolah2 dibena saperti Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Maktab Perguruan di-Jalan Gadong, dan sekolah2 Melayu. Kerana inginkan melihat raayat Baginda pandai menulis dan membacha, ranchangan membentras buta huruf di-adakan. Berpuloh2 sekolah telah mengadakan darjah2 untok tujuan itu.

Sa-bagai sa-orang Sultan yang chintakan keamanan dan kesejahteraan raayat, Askar Melayu Brunei di-tubohkan pada 31hb. Mei, 1961 dan kemudian di-tarafkan menjadi Askar Melayu Diraja Brunei pada tahun 1965. Kesihatan raayat juga diutamakan oleh Baginda dengan menitahkan pembenaan sa-buah Rumah Sakit (yang ada sekarang).

Ranchangan dan projek yang di-buat oleh Kerajaan Baginda ada-lah bertujuan untok kepentingan dan kebajikan raayat bersama. Dan untok melichinkan lagi ranchangan pembangunan Brunei, kerajaan telah mendapat khidmat sa-orang Pegawai Peranchang Bandar yang dipinjam dari Badan Pengawas Kementerian Perumahan dan

Lihat muka 10

*ati Perlembagaan Memperingati Perlembagaan Memperingati Perlembagaan Me*



TAHUN 1955, tahun sebok bagi Baginda meninjau dan memikirkan untok mengembang-majukan Brunei Darussalam. Gambar ini menunjokkan salah satu majlis dalam tahun 1955 di-Daerah Belait. Seria-Belait pada waktu itu menjadi tumpuan, kerana keramaian pendudok dan pembukaan perusahaan minyak (gambar kiri). Gambar sebelah kanan pula ketika Baginda merasmikan Bangunan Kastam Kuala Belait dalam tahun 1956.



# Paduka Seri Begawan korniakan Perlembagaan utk kesejahteraan



MASJID Omar Ali Saifuddin (atas) dan gambar bawah pula ia-lah Kampong Ayer. Kelihatan di-belakang ia-lah Bandar Seri Begawan.



Dari muka 9

Kerajaan tempatan United Kingdom. Tugas-nya ia-lah untok melaksanakan satu ranchangan garis kasar Pembangunan Brunei.

Pendudok2 Kampong Ayer juga berkesempatan merasai nikmat pengorniaan Baginda. Dibawah Ranchangan Penempatan semula bagi pendudok Kampong Ayer yang berhajat untok diam di-darat, Kerajaan Baginda membangunkan rumah harga murah untok mereka yang ingin berpindah. Bukan saja jenerasi muda kita mendapat faedah dari Kornia Baginda, orang tua tak berkechuali. Baginda telah bermurah hati mengorniakan penchen tua, kapada siapa saja yang berumor lebeh dari 60 tahun.

Dari sa-tahun ka-setahun pengeluaran minyak yang menjadi sumber kekayaan Brunei kian meningkat. Dan ini membolehkan lagi Kerajaan Baginda untok melancharkan projek dibawah suatu ranchangan kemajuan penghasilan.

Dalam waktu pemerentahan Baginda-lah juga Brunei mula menggunakan wang baru sendiri, dan wang kertas mula diedarkan pada 12 Jun 1967 dan pada bulan Ogos tahun 1967 wang shilling baru Brunei mula di-gunakan.

## AKTIVITI LUAR

Brunei tidak juga ketinggalan dalam aktiviti luar negeri saperti dalam tahun 1966, Brunei menghantar wakil ka-persidangan Majlis Perkembangan Industri Asia, di-Bangkok, Persidang Perekonomian Bagi Asia dan Timor Jauh di-New Zealand dan mengambil bahagian dalam sokan Borneo dan lain2 kegiatan.

Antara negara yang pernah Baginda lawati ia-lah Canada, Amerika Sharikat, Eropah dan banyak lagi negeri, sambil itu memerhatikan struktur pemerentahan kerajaan di-sana.

Kini empat belas tahun sudah Baginda meninggalkan takhta Kerajaan, Brunei sudah dikenali di-mata dunia dan terus maju di-bawah pemerentahan anakanda Baginda Sultan yang memerentah negeri masa sekarang.

*"Bermula dari tahun 1959, Brunei beransor2 menemui perkembangan2 yang baru. Yang lama menjadi kenangan dan ristaan zaman berzaman."*



BEGINI-LAH keadaan Negeri Bru
begini terdapat di-mana2 termasok
ia-lah Bangunan Pejabat Setia Us
dapat beberapa buah jabatan2 pent







...4 dalam mana bangunan2 kajang
... Kerajaan. Gambar bawah pula
... ada sekarang yang juga ter-



## IBU NEGERI :

# PENUKARAN KPD BANDAR SERI BEGAWAN

**Oleh: Jahri Latif**

4HB OKTOBER, 1970 merupakan salah satu tarikh yang amat bersejarah bagi Negeri Brunei. Kerana penting-nya tarikh ini, satu Tugu Peringatan atau Monumen telah di-bena di-pinggir Padang Besar terletak di-tengah2 ibu kota untok ristaan sejarah zaman berzaman.

Monumen itu di-beri nama 'Kenang2an Seri Begawan' mengambil sempena pengistiharan penukaran Bandar Brunei, ibu negeri Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan menurut sejarah, ada-lah shor dan chadangan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof (ketika itu berjawatan sa-bagai Menteri Besar Brunei).

### PENGHORMATAN

Shor dan chadangan ini mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, dalam mana Baginda sendiri pun berniat hendak memberi penghormatan kapada ayahanda Baginda dengan mengabadikan nama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan kapada ibu kota negeri ini sa-bagai tanda junjong kaseh yang tidak tolok banding-nya dari sa-orang 'anak kapada ayah-nya.'

Sa-masa pengistiharan nama ibu negeri tepat jam 12.01 minit tengah malam, pada tarikh yang bersejarah itu, bertempat di-Padang Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof telah menyabdakan rangkai kata 'Akitek Pembangunan Brunei Moden' kapada DYTM Paduka Seri Begawan Sultan. Rangkai kata yang mempunyai pengertian yang simbolik ini sa-layak-nya di-sampirkan kapada sa-orang pelopor negara yang agong apatah lagi ia-nya sa-orang Raja Islam yang adil laila bijaksana.

### MENGENANG JASA

Sementara itu, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin sa-masa menjawat jawatan Setia Usaha Kerajaan pada suatu ketika pernah menjelaskan Bandar Seri Begawan telah di-jadikan nama bagi ibu negeri Brunei kerana mengenangkan jasa2 DYTM Paduka Seri Begawan Sultan yang telah banyak mengetarakan pembangunan dan pemodenan negara ini dari sa-buah bandar runtohan hujong perang pasifik kapada sa-buah bandar yang terator dengan ribuan penduduk-nya.



Walau bagaimana pun, kalau di-nilai dari jasa2 DYTM Paduka Seri Begawan Sultan terhadap negara dan raayat negeri ini, penukaran nama bandar itu, menurut Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, "hanya-lah sa-kadar sa-bagai satu tanda yang kechil saja untok peristaan jenerasi2 Brunei yang akan datang."

Dalam zaman pemerentahan Paduka Ayahanda Baginda Sultan dan Yang Dipertuan (ketika menjadi DYMM Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan), Negeri Brunei telah di-kategorikan sa-bagai negara yang sedang membangun.

"Kita tentu saja menyedari bahawa penukaran bentok chorak kemajuan negeri ini, dari keadaan yang statik dan kuno kapada keadaan yang progresif dan moden telah bermula pada zaman pemerentahan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan," terang Yang Amat Mulia.

INI-LAH Monumen yang telah di-bena untok kenang2an penukaran Bandar Brunei, ibu Negeri Brunei menjadi Bandar Seri Begawan (atas).

IBU Negeri bertambah indah dan menarek dengan ada-nya taman kechil serupa ini. Sementara bangunan yang kelihatan di-belakang taman ini ia-lah Hotel Sheraton.







IBU Negeri sekarang sedang di-tumbohi oleh bangunan2 yang indah. Ini melambangkan negara sedang mengalami zaman pembangunan-nya yang pesat (kanan).

INI ia-lah bangunan sementara Jabatan Perkhidmatan Diplomatik (atas).

# BANGUNAN2 DALAM MASA SA-PULOH TAHUN B.S.B

PERTUKARAN wajah bangunan2 lama sejak beberapa tahun kebelakangan ini jelas menggambarkan betapa suasana sekarang tidak lagi menerima keadaan itu dalam kita mengejar kemajuan sains dan teknoloji hari ini, di-mana bangunan2 lama itu kini beransor2 menghilang di-gantikan pula dengan bangunan2 yang menchakar langit. Perubahan itu bukan saja bagi pejabat2 kerajaan malah bangunan2 kedai juga menerima perubahan yang sama. Kedai2 yang terdapat di-bangunan lama sekarang kebanyakan-nya telah bertaraf kompleks membeli belah.

Situasi Sungai Kianggeh yang merupakan steshen utama perahu2 tambang, nelayan2 dan kenderaan laut dan menjadi tempat turun naik pendudok2 Kampong Ayer dan yang datang dari Daerah Temburong, kini sedang dalam pembentokan semula (Canalisation and Redevelopment). Keindahan yang lebeh menarek akan dapat di-lihat apabila projek $7.95 juta ini siap tidak beberapa lama lagi.

Kepesatan yang di-alami oleh Bandar Seri Begawan dewasa ini ada-lah kerana mensejajarkan dengan pertambahan pendudok ibu kota di-mana menurut pembanchian tahun 1981 di-anggarkan melebehi 50 ribu orang berbanding hanya 30 ribu dalam masa sa-puloh tahun lalu.

Antara perkembangan2 penting sa-panjang tahun 70an dan awal tahun 80an termasok-lah penubohan Perkhidmatan TV berwarna pada pertengahan tahun 1975. Dengan penubohan RTB ini betapa kerajaan menyedari peri mustahak-nya peranan mass-media itu di-samping peranan2 radio dan akhbar dalam hubongan pembangunan negara.

Selaras dengan kemajuan sains dan teknoloji moden, kerajaan membena pula ibu pejabat Talikom baru terletak di-Kampong Sumbiling di-ibu negeri. Bangunan baru ini menggunakan sistem kawalan komputer (Computer Control) yang boleh berhubong terus menerus ka-negara2 luar terutama ka-Singapura dan United Kingdom melalui litar2 yang di-sambongkan dari satelit bumi di-Telisai. Menurut pengarah-nya, D. Scholey, ibusawat2 talipon yang terdapat di-negara ini ada-lah yang moden di-Asia Tenggara kerana penggunaan sistem teknoloji itu.

Perkembangan terbaharu yang di-sifatkan penting dalam era negara menuju kemerdekaan ini ia-lah penubohan Jabatan Perkhidmatan Diplomatik. Langkah kerajaan menubohkan jabatan ini merupakan satu perlaksanaan kerajaan yang bijaksana dan tepat pula pada waktu-nya. kerana langkah positif ini sudah tentu negara dapat menyediakan tenaga2 tempatan yang berpengalaman dalam hal ehwal diplomatik.

Di-samping perkembangan2 ini, banyak lagi projek2 pembangunan yang sedang dalam proses perlaksanaan-nya. Ini termasok-lah pembenaan Rumah Sakit umom yang baru yang menelan belanja lebeh $40 juta terletak di-atas bukit di-Kampong Kiulap. Rumah Sakit yang serba moden ini menggantikan bangunan lama yang terletak di-tengah2 kebisingan dan kesebokan ibu kota, dan kerana suasana yang tidak mengizinkan itu-lah pembenaan-nya di-pileh pada tempat yang sesuai. Bangunan yang di-namai Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha ini di-jangka siap menjelang pertengahan tahun 1982.



INI ia-lah bangunan ibu pejabat Talikom yang baru terletak di-Kampong Sumbiling di-ibu negeri (atas).

BANGUNAN bawah ini pula memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan maklumat2 kerajaan kapada orang ramai. Bangunan RTB ini telah di-tubohkan pada pertengahan tahun 1975.



## ...an Bengkel Drama PEMBELA

24 orang ahli2 Persatuan Pembela, ... baru2 ini telah mengadakan lawatan ... dan Talivishen, Brunei khusus untok ... sambil memerhati chara2 penyeleng- ... Sandiwara Radio dan lain2 rakaman ... oleh Pegawai2 Ranchangan yang ... ping juru2 teknik yang bertugas di-

...menunjokkan ketika mereka berwawanchara ...ola Ranchangan Radio, Awang Haji Yus- ... Kadir.
...ar bawah sekali suasana perkumpolan artis2 ...bela, Kuala Belait untok membuat rakaman ...ang di-bawah arahan dan terbitan oleh ...d. Yussof di-studio B, Radio Talivishen,





## ...GGU INI

## ...KETARA"

...ab Rabitah sunggoh besar sekali. Antara ...dan memikirkan belaian-kaseh sayang anak2. ...abitah ini-lah yang menjadikan fikiran Rabi-...gu demi memikirkan nasib anak2 mereka ...ari.

...entangan, antara pekerjaan harian pejabat ...aseh sayang anak2 ini menjadikan diri Ra-...a salah.

...tah akan sanggup berhenti kerja hanya sa-...uskan rumah-tangga dan menjaga anak2 ? ...aan-nya itu sunggoh lumayan ? Apa-kah ...an tindakan suami-nya Bakri dalam hal ini ? ...tahui kesemua perjalanan cherita ini, kami ...pendengar untok mengikuti siaran-nya yang ...da hari Ahad 4hb Oktober, 1981, jam 12.00 ...itan Ezoran Md. Yussof.

JAWAPAN-NYA paling reng-kas ia-lah sama juga hal-nya dengan radio saudara itu tidak berlesen . . . free. Radio Brunei sekurang2-nya buat masa ini tidak mempunyai khidmat komersil atau iklan-iklanan yang mesti pakai serba bayaran untok menyiarkan sa-suatu iklan niaga. Kerana itu kita agak tergustan sedikit bila menerima pertanyaan dari para pendengar berapa bayaran-nya untok memuatkan satu peng-umoman melalui Radio Brunei. Perchuma, itu-lah sepatah kata yang paling tepat untok jawapan-nya. Kita sering menerima per-tanyaan2 yang begini. Rupa-nya maseh ada ramai orang yang men-duga sa-lama ini Radio Brunei mengenakan bayaran atas tiap2 pengumoman atau berita keluarga yang di-siarkan melalui radio itu.

Sa-benar-nya Radio Brunei telah bertahun memberikan khidmat perchu-ma kapada pengumoman2 yang ber-chorak sosial. Pengumoman2 berita ke-luarga pula telah di-perkenalkan sa-chara 'regular' sejak lima belas tahun yang lalu hingga ka-hari ini, dan sa-

# PENGUMOMAN DI-RADIO :

# BERAPA BAYARAN-NYA ?

chara tidak regular sudah hampir dua puloh tahun.

Khidmat pengumoman melalui radio ini telah mula di-adakan kira2 dua pu-loh tahun yang lalu memandang kapada keadaan perhubongan ketika itu agak sukar antara daerah ka-daerah, antara mukim ka-mukim apa lagi antara satu kampong ka-satu kampong. Perkhid-matan talipon pada masa itu hanya ter-batas di-dalam bandar sahaja dan itu pun chuma sedikit sahaja bilangan-nya. Kerana itu radio memulai khidmat peng-umoman2 untok membantu keperluan orang ramai saperti menyampaikan beri-ta keluarga terutama kapada pendudok2 pendalaman. Dan kemudahan ini sa-makin di-perluas dari sa-masa ka-semasa hingga kapada keadaan hari ini di-mana segala projek dan kegiatan masharakat sentiasa di-siarkan terutama dalam ranchangan khas saperti Dendang Suria.

Ranchangan Dendang Suria ka-uda-ra sa-tiap pagi sa-lama dua jam mulai dari jam 6.30 pagi hingga 8.30 pagi, penoh dengan beraneka jenis pengumom-an untok pengetahuan orang ramai. Dendang Suria sa-olah2 merupakan pa-pan kenyataan di-mana sa-tiap peng-umoman boleh di-dapati.

Persatuan2 dan Pertubohan2 di-ne-geri ini yang ingin hendak menyiarkan pengumoman2 mengenai kegiatan2 atau projek2 mereka di-persilakan mengirim surat kapada Pengelola Bahagian Melayu Radio Brunei atau datang berjumpa sen-diri sa-waktu pejabat di-buka. Kita berchadang akan meluaskan lagi khid-mat ini di-masa2 yang akan datang su-paya ia benar2 merupakan khidmat un-tok masharakat, yang bukan sahaja me-nyiarkan pengumoman2 tetapi juga akan merupakan tempat bertanya bagi orang ramai saperti bagaimana untok men-dapat surat beranak atau kad pengena-lan yang hilang dan lain2.

# RANCHANGAN TVP DARI 5HB. HINGGA 11HB. OKT.

### ISNIN — 5HB OKTOBER

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN & SPEAK 23
Dalam ranchangan minggu ini murid2 akan di-tunjokkan barang2 yang telah di-kumpolkan oleh J.J. Murid2 ju-ga akan di-ajar mengenali nama2 ba-rang2 ini dalam Bahasa Inggeris. Di-Magic Pool, murid2 akan di-ajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'W'. Di-Owl's Hut murid2 akan dapat mendengar sa-buah cherita dari Owl.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 6
(Mesin Mudah I)
Pada minggu ini Che'gu Amdan akan mengajar murid2 mengenai mesin mu-dah. Mesin mudah telah di-chipta untok menolong memudahkan kerja2 yang sukar di-buat dengan tenaga biasa.

Apa-kah jenis2 mesin yang telah di-chipta oleh orang2 Purba ? Ada-kah mesin2 itu maseh di-gunakan hingga hari ini ?
Ikuti-lah ranchangan ini untok men-dapat jawpan-nya.



Takel

10.30 KAP KAP UDANG 448.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti PA' LONG, DI-MANA TEM-PAT-NYA, KERJA TANGAN, HA-LAMAN MENGAJAR, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.



Pemechah bijiran atau batu

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 448.

### SELASA — 6HB OKTOBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 23

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Mesin Mudah I)

10.30 KAP KAP UDANG 449.
Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti BERLAKUN, AMI-NAH, SI-MANIS, MENYANYI, HA-LAMAN MENGAJAR, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 449.

### RABU — 7HB OKTOBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 23

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Mesin Mudah I)

10.30 KAP KAP UDANG 450.
Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, GAMBAR TERSEMBUNYI, BERSENAM, HALAMAN MENGA-JAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 450.

### KHAMIS — 8HB OKTOBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 451
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TEKA BENDA, AMINAH, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAK-TI.

Tajok Cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Si-Panjang'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 451.

### JUMAAT — 9HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PAPAN HIK-MAT, BERSENAM, PETI SURAT, BERCHERITA dan CHERMIN SAK-TI.

Cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah Sa-orang Budak Yang Durhaka.

### SABTU — 10HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 452
Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti KETUA KESELAMA-TAN, YANG MANA GANJIL, PETI SURAT, BOLA TUMBOK, HALA-MAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

### AHAD — 11HB OKTOBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti HALAMAN MENYA-NYI, SI-MANIS, MAIN BAKUL, PEKERJAAN SENDIRI dan CHER-MIN SAKTI.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

6.00–6.02 pagi: Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi: Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi: Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H: Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan 1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang: Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam: Bachaan Al-Kor'an
10.24 ,, Do'a Restu
10.29 ,, Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

**92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.**

## GELOMBANG SEDERHANA

**675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.**

### Hari Rabu 30hb. Sept.

PAGI:
8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar

T/HARI:
1.30 Persembahan-ku

PETANG:
2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Hari Ini (SU)
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang Sanisah Huri
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Senandong Asli

MALAM:
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 1hb. Okt.

PAGI:
8.30 Puspa Irama
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
1.30 Chitra-wara

PETANG:
2.00 Puspa Irama
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Majallah Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Irama di-senja.

MALAM:
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan lagu lama
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 2hb. Okt.

PAGI:
8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Belia Mewakili Zaman-nya
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI:
12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
1.15 Qasidah/Nasbid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG:
2.00 Majallah Radio
2.30 Persembahan Gambus
3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Puspa Irama
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM:
7.00 Lagu2 Rampaian
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Majallah ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 3hb. Okt.

PAGI:
8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Kanak2

T/HARI:
1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).

PETANG:
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandong Lagu2 Asli

MALAM:
7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara

### Hari Ahad 4hb. Okt.

PAGI:
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Senandong Seloka
11.00 Ruangan Ketani
11.30 Suara Kugiran

T/HARI:
12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gambus
1.00 Permintaan Sukaramai

PETANG:
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan
5.00 Persembahan Gazal
5.45 Irama di-senja.

MALAM:
7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

### Hari Isnin 5hb. Okt.

PAGI:
8.30 Serbanika Hiboran (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
1.30 Senandong Seloka

PETANG:
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.

MALAM:
7.00 Aneka Irama
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 6hb. Okt.

PAGI:
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu2 Jenaka
11.00 Autograph Pendengar (SU)
11.30 Dunia Wanita

T/HARI:
1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG:
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Belia Mewakili Zaman-nya
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.

MALAM:
7.00 Persembahan ku
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Music talk: English parish orchestras by John Fletcher
Handel: He Gave them hailtones for Main (from Isreal in Egypt).
Gershwin: "I got rhythm" (Variations for piano and orchestra)
8.45 Dvorak: New World Symphony (movement 2 and 4)
Gilbert and Sullivan: Excerpt from "The Mikado"
9.30 Selection of short pieces including Vivaldi: Concerto for 2 trumpets.
Beethoven: Romance in F for violin and orchestra
Chopin: Concerto No. 2 F minor for piano and orchestra (2nd Movement)

### Thursday

P.M.
8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood: Shoji Yokouchi
9.30 Story Time: Napoleon and Josephine "The Crown"

### Saturday

P.M.
8.15 Melody Time
8.45 Frank Muir Goes Into: "English"
9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.
8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre "Zeppi's Machine" by Sam Selvon

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT
P.M.
8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

*PROGRAMME HIGHLIGHTS*

1. BBC RADIO NEWSREEL — with effect from today 30th Sept., 1981, BBC Radio Newsreel will be broadcast daily (except Sundays) at 8.30 pm instead of 8.00 pm.
2. Fifteen-Minute Feature on Disability: Without Limbs — broadcast on Sunday 4th October at 11.00 am.
One of the cruellest tricks of chemistry was the drug thalidomide. Marketed in various countries under different names, this mood-changing drug, designed as a tranquiliser, when taken by women during the early weeks of pregnancy, interfered drastically with the growth of the unborn child in the womb. But eventually the children were born and in time they grew up.
What was life like for these young people growing to adulthood equipped with emotion and minds of their own, but having only the tiny vestiges of limbs where fine strong arms and legs ought to have been? Tune in to our fiteen-minute feature on 'DISABILITY" this Sunday 4th October at 11.00 am.

### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.30 Radio Newsreel) except Sundays
9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
12.45 My Music
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 My Music (repeat)
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
11.00 Disability-Without Limbs
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 34th Edinburgh International Festival Literary Event Prog. 2 "Writing and Theatre (discussion).
8.30 Silas Marner by George Eliot Pt. 2 "The Child in the Forest"
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.

# 216 PENUNTUT TERIMA HADIAH PELAJARAN TERBAIK 1980

**Oleh: Aisah Piee**

TUTONG. — Sa-ramai 216 orang penuntut dari Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-seluroh negeri telah menerima hadiah pelajaran bagi tahun 1980, dalam satu majlis yang di-adakan pada pagi Khamis 24hb. September, di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-sini.

Dari jumlah tersebut, 123 orang ia-lah penuntut dari 10 buah sekolah aliran Inggeris dan 93 orang dari lapan buah sekolah aliran Melayu, yang menuntut dalam tingkatan satu hingga enam atas tahun lalu.

Majlis pagi itu telah di-mulakan dengan uchapan alu2an oleh Pengerusi Majlis, Awang C. H. Gallop. Hadiah2 kapada penuntut2 terbaik telah di-sampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Hj. Suni bin Haji Idris.

Penyampaian hadiah pelajaran kapada penuntut2 terbaik yang di-langsongkan pada hari itu ada-lah merupakan projek tahunan Jabatan Pelajaran, dan di-adakan bagi kali kedua-nya. Tahun lalu, upachara tersebut telah di-adakan dalam bulan Ogos, bertempat di-Sekolah Inggeris Berakas.

Penuntut2 tersebut telah menerima tiga jenis hadiah, ia-itu sa-keping sijil pengakuan bagi penchapaian terbaik dalam pelajaran, yang di-tandatangani oleh Pengarah Pelajaran Brunei; sa-buah buku yang berjodol 'Brunei — The Land and Its People' yang di-terbitkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dalam tahun 1978, bagi memperingati Ulang Tahun ka-10 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei menaiki takhta Kerajaan Negeri Brunei; dan satu set fountain pen.

Antara yang menghadhiri upachara tersebut termasok-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Sallehuddin bin Pengiran Haji Md. Yusof, Pehin Orang Kaya Pekerma Sura Haji Abd. Manan bin Mohammad, Pegawai2 Pelajaran, Pengetua2, Guru2 Besar, jemputan2 khas dan ibu-bapa penuntut2 tersebut.

Majlis telah di-akhiri dengan penyampaian chenderamata kenang2an kapada Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei, dan Bachaan Do'a Selamat oleh Ustaz Bagol bin Haji Tuah.



DAYANG Fatimah bte Haji Abdul Rahman, penuntut Tingkatan IV, Sekolah Inggeris Berakas, kelihatan sedang menerima hadiah pelajaran daripada Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Suni bin Haji Idris.



YANG Berhormt Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menyampaikan sijil penghargaan kapada Awang Ang Kim Lang.

# Penghargaan kapada pekerja2 sukarela

**Oleh: Jaafar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis jamuan teh bagi meraikan pekerja2 sukarela yang mengendalikan pertunjokan Kebudayaan Taiwan di-Brunei telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Rabu lepas.

Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain telah menjadi tetamu kehormat di-majlis tersebut dan telah menyampaikan uchapan.

Dalam uchapan-nya, Yang Berhormat telah menguchapkan ribuan terima kaseh kapada pekerja2 sukarela yang terdiri dari ahli2 Dewan Perniagaan China, peniaga2, pengurus dan lain2 badan Orang2 Tiong Hwa di-negeri ini pada menjayakan pertunjokan kebudayaan Taiwan yang di-sembahkan oleh orang2 Taiwan sendiri.

Pertunjokan itu telah di-jalankan dari 18hb. hingga 23hb Ogos lalu dengan mengadakan pementasan2 di-Dewan Raya RTB, Panggong Seri, kedua2-nya di-Daerah Brunei dan Muara dan di-Kuala Belait sempena Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-Brunei.

Menurut Yang Berhormat Pehin, sumbangan yang di-berikan oleh mereka itu ada-lah merupakan satu inisiatif yang sangat2 di-galakkan dan di-perlukan oleh masharakat negeri ini dalam memberikan sumbangan tenaga bakti kapada bangsa, negara dan tanah ayer.

Langkah2 sa-umpama ini patut-lah di-ambil perhatian dan menjadi chontoh kapada mana2 pehak terutama sekali badan2 kebajikan dan kemasharakatan di-negeri ini pada membuat dan menjalankan aktiviti2 tersebut, jelas Y.B. Pehin.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain kemudian-nya menerima chek sa-jumlah $134,940.00 dari Pengerusi Kewangan Pertunjokan tersebut, Awang Lim Eng Ming. Wang itu ada-lah hasil daripada kutipan pertunjokan berkenaan yang mana ia-nya di-sumbangkan bagi Tabong Orang2 Chachat di-negeri ini.

Sa-lepas itu, Yang Berhormat Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-Brunei telah menyampaikan sijil2 dan surat2 penghargaan kapada 32 orang pekerja2 sukarela ia-itu 10 orang menerima sijil dan 22 orang yang lain-nya menerima surat2 penghargaan dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Hadhir sama di-majlis itu termasok-lah Ketua Pegawai Kebajikan Masharakat, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris, pegawai2 dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan serta jemputan2 khas yang lain.

# Penulis2 Brunei boleh menghasilkan karya sastera yang bermutu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penulis2 Brunei mempunyai bakat yang baik, lebeh2 lagi jika ia-nya di-asoh dengan chara yang lebeh baik tentu akan dapat menghasilkan karya2 sastera yang bermutu tinggi. Chuma yang patut di-perhatikan dengan lebeh teliti ia-lah tentang isi dan teknik penulisan. Kerana sa-jauh ini yang dapat di-kesan terutama sekali dalam penulisan novel, kebanyakan penulis2 di-Brunei maseh lemah dalam mengutarakan isi dan teknik.

Demikian pandangan Tuan Haji Kamaluddin bin Muhamad yang lebeh di-kenal dengan nama pena-nya Kris Mas, ia-itu sa-orang penulis terkenal dari Malaysia yang baru2 ini telah di-anugerahkan dengan Anugerah Sastera Negara oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Beliau menyatakan demikian ketika di-minta memberikan sedikit ulasan tentang peraduan menulis novel sempena Sambutan Kedatangan Abad Ke-15 Hijrah di-Brunei yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, di-mana beliau sendiri menjadi salah sa-orang penal hakim dalam peraduan itu.

Pandangan itu beliau lahirkan dalam satu majlis cheramah/dailog sastera yang di-anjorkan oleh persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani, ASTERAWANI bertempat di-Dewan Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada malam Khamis lepas. Kira2 200 orang penulis dan peminat sastera di-tanah ayer telah hadhir di-majlis itu.

Sa-belum itu Kris Mas juga telah di-undang untok memberikan cheramah sastera di-Pusat Tingkatan Enam pada hari Selasa minggu lepas dan di-Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah, Gadong pada hari berikut-nya.



TUAN Haji Kamaluddin ketika menyampaikan cheramah kapada penulis2 tanah ayer. Pmk Pengarah DBP, Pengiran Badaruddin (kanan sekali) juga hadhir di-majlis tersebut.

# Mengikuti kursus

Dari muka 6

menjalani Latehan Bahasa Inggeris dan Kursus Pupil Bandsman selama 14 bulan.

Mereka akan mengikuti kursus dan latehan tersebut di-The Bell College, South Road, di-The Bell School, Bowthorpe Hall, dan di-Sekolah Musik Tentera Diraja, Kneller Hall.

Sementara itu, 44 Kapt Abas bin Haji Bagol dari Battalion Pertama akan bertolak ka-United Kingdom esok, 1hb. Oktober, untok mengikuti kursus Combat Team Commanders selama kira2 sa-bulan di-Tactics Wing, The School of Infantry, Warminster.

Dan bertolak ka-Singapura pada 3hb. Oktober ini ia-lah 4444 LKpl Sahib bin Haji Kamis dan 5988 LKpl Md. Daud bin Haji Abdi Manaf dari Bengkel Pasokan, dan 6524 LKpl Narudin bin Haji Ahmad dari Kompeni RHQ.

Mereka ini akan mengikuti kursus Makenik Kenderaan NCO Kelas 11, selama kira2 dua bulan di-Sekolah SAF Ordnance, Kem Ayer Rajah III, Republik Singapura.

# Lebeh ramai lagi pegawai2 berkursus di-luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menghantar lebeh ramai lagi pegawai2 dan penuntut2 berkursus di-United Kingdom dalam berbagai bidang di-beberapa universiti dan institiusi pendidekan di-sana. Mereka meninggalkan tanah ayer dalam bulan September ini.

Mereka itu ia-lah Awang Rahim bin Haji Gantang akan mengikuti Diploma Lanjutan Pelajaran di-Universiti Hull. Pemergian beliau atas dermasiswa Kerajaan. Norkamala Intan bte Ibrahim, Hjh Halimah bte Haji Salleh, Dayang Julia bte Salleh dan Dayang Aminah bte Haji Ahmad, mereka ini akan menjalani kursus kepolisian di-Outward Bound School Hongkong.

Sementara Awang Ismail bin Harun dan Pengiran Amir Bahar bin Pg Md Salleh pula akan menjalani Kursus Pengurusan Pembekalan Barangan di-Crown Agents Training Services London sa-lama tiga bulan. Awang Marali bin OKMD Haji Saman mendapat dermasiswa untok mengikuti kursus Sarjana Muda dalam bidang elektrik dan elektronik di-Brighton Polytechniu.

Dayang Saloma bte Mahmud juga telah mendapat dermasiswa untok mengikuti kursus dalam bidang Perhubongan Awam sa-lama dua tahun di-Hull College of Higher Education.

Juga mendapat dermasiswa ia-lah Ak Abu Bakar bin Pg Sarifuddin yang akan meng-

Lihat muka 20

# KERAJAAN SENTIASA MEMBERIKAN BANTUAN KPD BADAN2 SUKARELA

**Liputan: Jaafar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan galakan, dorongan dan kemudahan2 kapada pergerakan2 Belia dan sukarela ia-itu saperti Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah di-negeri ini.

Kemudahan2 tersebut di-sediakan oleh kerajaan ada-lah bertujuan untok memberi kesenangan kapada pergerakan2 beruniform dalam menjalankan aktiviti2 berguna pada membentok dan membimbing masharakat khusus-nya belia2 menjadi manusia yang bertanggong-jawab kapada bangsa dan negara.

Demikian telah di-jelaskan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain ketika beruchap di-majlis dailog dengan pemimpin2 Pertubohan Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Khamis 24hb. September yang lepas.

### PERANAN PENTING

Menurut Yang Berhormat Pehin, ketiga2 pergerakan beruniform ini memainkan peranan penting ka-arah menyatu padukan dan mengembeling tenaga belia2 atau mudi mudi di-negeri ini yang di-sifatkan sa-bagai bakal pemimpin negara di-masa2 akan datang melalui aktiviti2 berkebajikan lebeh2 lagi di-saat negara ini di-ambang kemerdekaan pada penghujong tahun 1983 nanti.

Kerana, kata-nya pergerakan2 beruniform saperti Pertubohan Pengakap, boleh dan dapat mendidek belia2 menjadi masharakat yang berdisiplin, bertanggong-jawab, berdedikasi, hormat, saling bantu membantu, bertimbang rasa serta mempunyai hemah yang tinggi sa-bagai jentera dan tenaga penggerak dalam memaju serta memperkembangkan negeri ini.

Di-samping itu, tambah Yang Berhormat, pergerakan sa-umpama ini dapat menghindarkan belia2 terutama kanak2 dan penuntut2 sekolah daripada berbual2 di-tepi2 jalan yang tidak mendatangkan faedah.

Kata-nya, sa-telah Pertubohan Pengakap Negeri Brunei di-isthiarkan sa-bagai ahli penoh yang ke-177 dalam Pertubohan Pengakap Sa-Dunia sejak 1hb. Julai, pergerakan pengakap negeri ini, mempunyai peranan yang lebeh berat terutama dalam memajukan serta menambahkan lagi projek2 dan kegiatan2 sa-tempat untok di-laporkan kapada Pertubohan Pengakap Sa-Dunia yang beribu pejabat di-Geneva.

Yang Berhormat Pehin berkata dailog yang di-adakan pada hari ini ada-lah semata-mata bertujuan untok menchari pandangan2, chadangan2 serta menchari resolusi mengapa pergerakan beruniform sejak kebelakangan ini semakin mundor.

### CHADANGAN2

Segala pandangan2 dan chadangan2 yang di-hadapi oleh pergerakan2 beruniform tersebut dalam menjalankan aktiviti2 mereka akan di-hadapkan kapada pehak2 yang berkenaan.

Pada keselurohan-nya, dailog yang di-adakan pada hari itu lebeh banyak mengutarakan dan membinchangkan tentang masaalah2 yang di-hadapi oleh ketiga2 pergerakan tersebut ia-itu Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah.

Satu chadangan telah di-kemukakan supaya pergerakan pengakap ini di-salorkan melalui Jabatan Pelajaran dengan menitek beratkan supaya sa-tiap penuntut memasoki pergerakan tersebut yang di-mulakan dari sekolah2 rendah.

Hadhir sama di-perjumpaan itu termasok-lah Timbalan Ketua Pengakap Negeri Brunei, Awang Ahmad bin Dato Matnoor, Ketua Pesurohjaya Pengakap Negeri Brunei, Pengiran Sani serta 40 orang pemimpin2 ketiga2 pertubohan tersebut.



YB PEHIN Sawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain memberikan uchapan di-majlis dailog antara pemimpin2 Pertubohan Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah.




## Pasokan Pemereksa L-Terbang johan bolasepak liga Jabatan Kastam

GADONG. — Pasokan Pemereksa Lapangan Terbang Antarabangsa telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan akhir liga bolasepak Jabatan Kastam dan Eksais yang telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong pada 18hb. September lepas.

Di-perlawanan akhir itu, Pasokan tersebut telah berjaya menewaskan Pasokan Pemereksa Bandar Seri Begawan dengan jaringan lima gol berbalas dua.

Sa-orang juruchakap jabatan tersebut ketika di-tanya menjelaskan bahawa liga tersebut di-adakan ada-lah bertujuan pada memileh wakil jabatan itu ka-kejohanan Bolasepak antara johan2 jabatan kerajaan yang telah di-langsongkan bermula pada petang semalam di-Padang Besar di-ibu negeri.

Di-samping itu tambah-nya, ia-nya juga di-adakan ada-lah semata-mata untok meninggikan lagi mutu permainan bolasepak di-negeri ini memandangkan ia-nya merupakan satu permainan yang paling di-minati oleh orang ramai di-negeri ini.

Pengawal Kastam dan Eksais, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu. Bakar telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang di-akhir perlawanan itu.

Sementara itu, bagi perlawanan bolasepak antara jabatan2 kerajaan di-Daerah Tutong pula Jabatan Pelajaran, Tutong telah berjaya menjadi juara dengan menewaskan Jabatan Talikom melalui tendangan penalti.

Perlawanan akhir itu telah berlangsong di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang hari Sabtu 19hb. September yang lalu.

## Sepak takraw peringkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. —15 buah pasokan akan mengambil bahagian dalam perlawanan akhir sepak takraw bagi sekolah2 menengah atas dan bawah, yang akan berlangsong hari ini, 30hb September, bermula pada jam 2.00 petang bertempat di-Dewan Gerak Badan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

Empat buah pasokan yang akan mewakili sekolah menengah atas ia-lah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Inggeris Berakas, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Bahagian Menengah Bawah 'A' ia-itu bagi yang berumor 14 tahun ka-bawah, akan di-wakili oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Sekolah Menengah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan dan Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam.

Sementara bahagian Menengah Bawah 'B' bagi yang berumor 15 tahun ka-atas, akan di-sertai oleh pasokan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Maktab Anthony Abell, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Hadiah2 kapada pasokan yang berjaya akan di-sampaikan pada hari yang sama, oleh Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Awg Umar bin Haji Ahmad.

## *MMPSBS/Sekolah Sains johan pingpong*

PEKAN TUTONG. — Perlawanan akhir pingpong antara sekolah2 menengah dan maktab2 dan menengah bawah seluroh negeri telah di-langsongkan di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-sini pada hari Khamis 17hb. September yang lalu.

Pasokan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai juara dalam kedua2 bahagian lelaki dan perempuan bagi sekolah2 menengah atas dan maktab2.

Sementara Sekolah Saint Andrew juga dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai johan dalam bahagian sekolah2 menengah bawah.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh Bahagian Pendidekan Jasmani, Jabatan Pelajaran itu telah di-sertai oleh lebeh daripada saratus orang pemain yang terdiri dari 19 buah sekolah2 menengah dan maktab.

Hadiah2 kapada pemenang telah di-sampaikan oleh Timbalan Pengetua Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Awang Ahmad bin Abd. Rahman.

Sa-orang juruchakap dari jabatan itu memberitahu kapada Pelita Brunei bahawa peraduan tersebut di-anjorkan ada-lah bagi menchungkil bakat2 baru di-kalangan penuntut2 di-samping pada meninggikan lagi mutu permainan pingpong di-negeri ini.

Beliau menyatakan bahawa mutu permainan tersebut kini telah meningkat dan berharap kapada penuntut2 supaya akan lebeh giat lagi pada menghadapi perlawanan tersebut di-masa2 akan datang.

## Johan Chator Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pasokan Kastam Diraja A dan B telah munchol sa-bagai johan dan naib johan bahagian berpasokan dalam kejohanan chator bagi daerah ini yang telah di-adakan sa-lama 14 malam berturut-turut pada bulan Ogos lalu bertempat di-Kelab Ria di-sini.

Tempat ketiga jatoh kapada Pasokan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh Persatuan Chator Daerah Belait itu ada-lah sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

Sementara di-kejohanan yang sama dalam bahagian perseorangan pula, johan telah di-sandang oleh Awang Sulaiman bin Haji Mohd. Noor, kedua di-menangi oleh Awang Libaha bin Haji Edin dan tempat ketiga ia-lah Awg Yap Chow Tun.

Sa-banyak lapan buah pasokan dari jabatan2 kerajaan, firma2 dan pertubohan2 belia dan kebajikan di-daerah berkenaan telah menyertai kejohanan tersebut.

Majlis penyampaian hadiah kapada pemenang telah di-langsongkan di-Kelab Ria di-sini baru2 ini oleh Ketua Kampong Pekan Belait, Haji Abang Abu Hanafiah bin Pehin Orang Kaya Seri Diraja Haji Abang Bujang.



SALAH satu perlawanan yang di-jalankan dalam pemileh perengkat daerah pada hari Rabu lepas.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Tukang Pelan Kanan

RMOHONAN2 ada-lah di-awa daripada chalon2 yang elayakan untok di-lantek agai TUKANG PELAN NAN di-Jabatan Kerja a, Brunei.

**ayakan2 dan Pengalaman:**

Mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan Higher National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau intermediate R.I.B.A. atau lain2 kelulusan yang sebanding dengan-nya.

Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam kerja2 melukis pelan di-pejabat Chartered Akitek atau Jurutera.

Mesti-lah boleh menyediakan pelan2 dan ukoran2 yang lengkap dari lukisan2 kasar (dimensional sketches).

**agga Gaji :**

2 EB.3—$1260-1305-1350-5 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Oktober, 1981.

(E/42/74 — Bil: 152/1981)

## ALE BY TENDER OF NSERVICEABLE STORES

OT 71

Please submit your tender for items of unserviceable res shown below.

Tenders are to be submitted to the Commander RBMR placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp 1100 hrs Frilay 9th October 1981.

Tenders received after this time will be rejected.

Tenders must be placed in a plain sealed envelope and re must be no indication on the cover of the name of the derer.

All envelopes must be endorsed Lot 71 RBMR.

Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot kiah Camp until 1600 hrs Thursday 8th October 1981.

All goods are offered "As Lying" and must be removed successful tenderer within 14 days of notification.

| S/No. | Designation | Qty |
|---|---|---|
| 1. | Outer Cover 1200x20 | 46 |
| 2. | Outer Cover 750x16 | 195 |
| 3. | Outer Cover 700x14 | 53 |
| 4. | Outer Cover 185x14 | 34 |
| 5. | Outer Cover 205x14 | 10 |
| 6. | Outer Cover 825x16 | 68 |
| 7. | Outer Cover 825x17 | 1 |
| 8. | Outer Cover 825x20 | 23 |
| 9. | Outer Cover 600x16 | 2 |
| 10. | Outer Cover 900x20 | 8 |
| 11. | Outer Cover 900x16 | 13 |
| 12. | Inner Tube | 108 |
| 13. | Battery | 103 |
| 14. | Canopy | 10 |
| 15. | Panel Generator | 4 |
| 16. | Alternator | 16 |
| 17. | Starter Motor | 27 |
| 18. | Metal Boxes (Suitable for Workshop Tools) | 500 |
| 19. | OMC Fuel Tank | 9 |
| 20. | Scrap Metal | 9 tons |

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

RUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED ites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. SES/186/81
   CATEGORIES 3, 7 & 32
   Conversion of old Blasting Shop into SES/37 Store and Office at N.I.A.
2. TENDER No. LEN/205/81
   CATEGORIES 6 & 32
   Installation of Motor Driven Instrument Air-Compressor K5711. Auxiliary Modules and Associated Pipework.
3. TENDER No. EPS/222/81
   CATEGORIES 9 & 32
   Construction and Installation of Pipeworks for Location G24/4 Flowline and Gaslift Line to Tank Group 5H.

For further information please refer to Tender Notices B.S.P. Tender Notice Boards.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 124 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for :—

PROPOSED RENOVATION AND ADDITIONS TO BRUNEI CURRENCY BOARD OFFICE AT STATE SECRETARIAT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 125 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF PRE-CAST REINFORCED CONCRETE KERBS, PRE-CAST REINFORCED CONCRETE HAUNCHING AND PRE-CAST REINFORCED CONCRETE SLABS FOR FOOTPATH AT JALAN SUBOK-KIANGGEH LINK, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 127 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for :—

PROPOSED EXTENSION OF KITCHEN FOR ARABIC SCHOOL (MALE) AT MILE 1½ JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 128 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th October, 1981 for :—

RENOVATION TO EXISTING REGALIA HALL AT ISTANA DARUL-HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 129 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

REDECORATION OF EXISTING PERPINDAHAN SHOPHOUSES AT JALAN BUNGA TERATAI, BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 130 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF CLOTHES DRYING LINES FOR THE EXISTING BARRACKS AT MUARA FIRE STATION, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 131 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

SUPPLY AND INSTALLATION OF M.S. WINDOW GRILLES FOR CLASS "F" FLATS AT BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 132 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS AT B.S.B. FIRE STATION, MILE ¾, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 133 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

REDECORATION OF EXISTING ECONOMIC DEVELOPMENT BOARD OFFICES, STATE SECRETARIAT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 134 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO KAMPONG GADONG/JALAN RIMBA NURSERY OFF JALAN GADONG MILE 3, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 135 OF 1981

TENDERS will be receievd from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF A PUBLIC TOILET FOR TUTONG TOWN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 136 OF 1981

TENDERS will be receievd from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th October, 1981 for :—

REMEDIAL WORKS TO SUNKEN SEWERAGE RETICULATION, SEWAGE DISPOSAL WORKS STATION, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Sa-bagai Pengawas Proses Filem

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENGAWAS PROSES FILEM di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah berumor sekurang2-nya 25 tahun.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya kelulusan G.C.E. perengkat 'O' dalam aliran Melayu atau Inggeris dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam bidang memproses filem berwarna.

**Tugas2 :**

Bertanggong-jawab kapada Pengurus Makmal Perfileman untok pengawasan harian kerja2 memproses sa-chara bergilir2.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — $1735-1795-1855 - 1915 - 1980 - 2035-2095-2155-2215 - 2280 / E B / 2335-2395-2455-2515-2580.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb Oktober, 1981.

(E/330/75 — Bil: 159/1981)

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBORONG2 Tempatan ada-lah di-minta menghantarkan tawaran2 mereka kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan mengenai kerja2 yang berikut:—

i) Memagar kawasan Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas, Brunei.

2. Tawaran tersebut hendak-lah di-hantarkan tidak lewat dari 5hb Oktober, 1981 hari Isnin jam 4.00 petang.

3. Tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.

4. Keterangan2 lanjut mengenai perkara tersebut boleh-lah di-dapati dari Pengawas Bangunan Jabatan ini Awang Idris bin Kahar pada bila2 masa waktu pejabat di-buka di-Bilek No. 102, Tingkat Bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## RE-TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 6th October 1981 for the Maintenance, Repairs, Alterations and Additions to Buildings and Civil Engineering Works under Term Contract at The Royal Brunei Malay Regiment Camps at :

| | |
|---|---|
| Tender A | Muara |
| Tender B | Bangar |

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be submitted in separate plain sealed envelopes without any indication on the cover of the identity of the tendering Contractor and must be addressed to the Chairman, Tenders Board and marked :

TENDER A

TERM CONTRACT FOR THE MAINTENANCE, REPAIRS, ALTERATIONS AND ADDITIONS TO BUILDINGS AND CIVIL ENGINEERING WORKS AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT MUARA

TENDER B

TERM CONTRACT FOR THE MAINTENANCE, REPAIRS, ALTERATIONS AND ADDITIONS TO BUILDINGS AND CIVIL ENGINEERING WORKS AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT BANGAR

4. Tender documents may be inspected and obtained from the Quantity Surveyors :

Langdon Every and Seah,
408 Brunei Malay Teachers Building,
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The tender deposit will be :

Tender A
$1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only)
Tender B
$ 500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only)

which will be refunded in full to each unsuccessful tenderer who submits a bona fide tender.

6. Before being provided with tender documents, tenderers will be required to :

a. Prove that they are registered Class 'A' Contractors with the Public Works Department, Brunei.

b. Submit a Banker's letter of guarantee of support for the whole of this Contract and proof that they can produce a security deposit with a registered bank in Brunei in the sum of :

| | |
|---|---|
| Tender A | $200,000.00 (Brunei Dollars Two Hundred Thousand Only) |
| Tender B | $ 50,000.00 (Brunei Dollars Fifty Thousand Only) |

7. Tenders must be submitted on the approved form. Qualified tenders will not be considered.

8. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai KETUA PEMBANTU TEKNIK di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

HNC/HND atau kelulusan yang sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektronik.

Mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 pemeliharaan alat2 elektronik/letrik.

**Tugas2 :**

a) Melaksanakan kerja2 pemeliharaan menurut arahan dan bimbingan sa-orang Jurutera atau Pegawai Pemeliharaan.
b) Menyimpan satu sistem rekod yang terator terhadap semua kerja2 pemeliharaan dan kerja2 membaiki serta jadual kerja.
c) Menguji dan menilai alat2 baru yang di-beli oleh pehak hospital.
d) Membaiki atau mengubah-suai apa jua alat yang di-letak di-bawah tanggong-jawab jabatan ini.
e) Di-kehendaki bertugas sa-chara panggilan (ON-CALL).

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — B$1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 - 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh per-chubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Okto-ber, 1981.

(E/312/81 — Bil : 155/1981)

## TENDER NOTICE

### STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 64/81 MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVT RICE SHIPMENT FOR YEAR 1982

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuetsday, 20th October, -1981 for abovementioned.
2. Details regarding requirements for the Insurance cover are obtainable from the office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei.

### JABATAN SETOR2 DAN PERBEKALAN NEGARA TAWARAN BIL. 64/81 PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Selasa, 20hb Oktober, 1981 untok : —

Mengadakan kenderaan (truck) dan buroh2 bagi mengangkut, memuat, memunggah dan menyusun barang2 kepunyaan Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, bagi tempoh sa-tahun dari 1hb Januari, 1982 hingga 31hb Disember, 1982.

Butir2 lanjut mengenai sharat2 tawaran serta Borang Tawaran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor dan Perbekalan Negara, Jalan Gadong, Brunei dengan membayar wang chagaran (deposit) sa-banyak $1,000.00.

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei bagi membuat perkara yang berikut untok Sekolah Menengah Arab Lakiz Hassanal Bolkiah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei di-Batu 1½, Jalan Tutong, Brunei :

a) **22 buah almari pakaian penuntut (almari men-dakap di-dinding).**

2. Keterangan lanjut mengenai perkara tersebut boleh di-dapati daripada Pengawas Tingkat Khas Jabatan ini, Awang Haji Abu Bakar bin Abdul Hai di-tingkat bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei, bilek 102 pada bila2 masa waktu bekerja biasa.
3. Wang deposit mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar kapada Pembantu Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei di-tingkat pertama bi-lek 202 hingga 19hb Oktober 1981 hari Ithnin jam 3.00 petang sa-banyak $100.00 (saratus ringgit).
4. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei ti-dak lewat pada 19hb Oktober 4.00 petang.
5. Kerajaan tidak terikat akan menerima tawaran yang paling murah atau sa-umpama-nya.

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

### TENDER No. 49/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractor, Class "A" only up to 12.00 noon on Tuesday, 6th October, 1981 for the following : —

REPLACEMENT OF PASSENGER LIFT FOR RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"REPLACEMENT OF LIFT FOR RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN."

The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 55/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 6th October, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT TEMPORARY CARGO BUILDING, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT TEMPORARY CARGO BUILDING, BRUNEI."

The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 56/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A", "B" and "C" up to 12.00 noon on Tuesday, 27th October, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR SWITCHGEAR HOUSE OF 66KV SUB-STATION AT PASIR PUTEH

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR SWITCHGEAR HOUSE 66KV SUB-STATION AT PASIR PUTEH."

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 57/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 6th October, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR STORE AND ADMINISTRATION OFFICE FOR GADONG ELECTRICAL COMPLEX, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR STORE AND ADMINISTRATION OFFICE FOR GADONG ELECTRICAL COMPLEX, BRUNEI."

The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 58/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Class 'A', 'B' and 'C' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 6th October, 1981, for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR MOSQUE AT SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA

The tender documents must be placed in a plain sealed envelop addresed to the Tenders Board. The envelope to be marked : —

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR MOSQUE SUNGAI HANCHING JALAN MUARA."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## RBMR TENDER NOTICES

### TENDER No. 01/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. Saturday 10th October 1981.

SUPPLY OF PERSTROP AND PLYWOOD TO RBMR

3. Enquires on specification can be obtained from DAQMG 2 Officer, Regiment Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison during working hours upon received of a deposit of B$300.00 in the form of cheque which is refundable only to all unsuccessful tenderers.
4. The successful tendered is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 02/1981

6. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. Saturday 10th October 1981.

SUPPLY OF BRASS NUTS, BOLTS AND HINGES TO RBMR

7. Enquires on specification can be obtained from DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison during working hours upon received of a deposit of B$300.00 in the form of cheque which is refundable only to all unsuccessful tenderers.
8. The successful tendered is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.
9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 03/1981

10. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Saturday 3rd October 1981.

SUPPLY OF INTER-COM SYSTEM TO RBMR

11. Enquires on specification can be obtained from DAQMG 2, Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during working hours upon received of a deposit of B$300.00 in the form of cheque which is refundable only to all unsuccessful tenderers.
12. The successful tendered is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.
13. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 04/1981

14. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. Saturday 10th October, 1981.

SUPPLY OF FURNITURE TO RBMR.

15. Enquires on specification can be obtained from DAQMG 2, Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during working hours upon received of a deposit of B$300.00 in the form of cheque which is refundable only to all unsuccessful tenderers.
16. The successful tendered is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.
17. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. SSU 13 81

Item 1 — One Lot Approx. 500 Pcs. Instrument Spa Parts comprising of Asco, Beckman and Foxbo etc.

Item 2 — One Lot Approx. 208 Pcs. Galvanised Screwe Flanges.

Item 3 — One Lot Aluminium Pipes and Fitting comprisi of: Approx. 26 Pcs. Pipes and 183 Pcs. Fitting

Item 4 — One Lot Misc. Materials comprising of : — A prox. 5 rolls Barbed Wires, 12 Pcs. Ball Bearin 30 Mt. Galvanised Chain, 50 Pcs. CEAG Lan fitting (Used) etc.

Item 5 — One Lot Approx. 130 Pcs. Carbon Steel Flang and Fittings.

Item 6 — One Lot Approx. 21 Pcs. Boiler Steam Valv various sizes.

Item 7 — One Lot Office Furniture (Old-Used).
Approx. 13 Pcs. Drawing Tables.
9 Pcs. Arm Chairs.
2 Pcs. Cardex Cards Cabinet.
1 Plan Filing Chest comprising of Horizontal Trays.

Item 8 — One Pce. Adler Typewriter (Used).

Item 9 — One Unit Compressor Air (Used).

Item 10 — One Lot Approx. 33 Pcs. Carbon Steel Li Pipes ¾"-6".

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open f acceptance by the Company for a period of fourteen da from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers lett stating that the amount he is bidding could be paid with ten days after the receipt of the COMPANY's writt notice.
3. The items to be sold are sold on an "as is' 'where is' bas and the successful tenderer must : —
   a) sight inspect the item prior to submitting the bid
   b) pay to the COMPANY the total sum tendered f within 10 calendar days after receipt of the COM PANY's written notice.
   c) provide all necessary lifting equipment and tran port for the removal of the item(s).
   d) remove the materials entirely at his own expens The number of days allowed to remove the item( will depend upon the number of item(s)/quanti awarded to the tenderer which will be advised the letter of acceptance. The COMPANY wi treat this tender null and void, and or charge re at the rate of B$500.00 per day in the event th the tenderer failed to remove the items within th specified period.
4. The COMPANY further reserves the right : —
   d) To refuse to accept any or all tenders submitte and
   e) To withdraw any or all the items before acceptan of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for t sale of the above materials/equipment, which is sold subje to faults and defects, if any, and without any condition warranty as to the quality and fitness for purpose requir or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchas will be required by the COMPANY before release goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on a working day on application to : —
   The Warehouse Supervisor (LAD/12),
   Brunei LNG Ltd.,
   Lumut,
   (Phone : LNG 156 or 159)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a. on 12th October 1981. Tenders should be addressed sealed envelopes to : —
   Brunei Shell Petroleum Company Limited,
   Supplies Department,
   SERIA.
   "Endorsed : B.S.P. Tender Notice No. SSU 13/81.
8. The submission of a tender shall be deemed to constitu acceptance by the Tenderer of all the terms of tendering set out herein.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

RMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari pada chalon2 yang ri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ber-sa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli nah Wal-Jemaah untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

PENGAWAS MASJID TINGKATAN I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut : —
  a) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
  b) Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
  c) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

ii) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.

iii) Mempunyai pengalaman dalam perkara2 berikut:—
  a) Boleh membaiki kerosakan2 alat2 pembesar suara.
  b) Boleh membuat kerja2 yang berhubong dengan kuasa letrik.
  c) Mempunyai pengalaman mengawas pekerja2 rendah.

iv) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan2 pelajaran yang di-nyatakan di-(i) tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman yang luas dalam perkara2 yang tersebut di-(iii) boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D. 4 EB. 5 — $980-1010-1040-1070-1105-1140-1175 / EB / 1200-1230--1260-1290.

PENGAWAS MASJID TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut : —
  a) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
  b) Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
  c) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 2 tahun.

ii) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.

iii) Mempunyai pengalaman dalam perkara2 berikut:—
  a) Boleh membaiki kerosakan2 alat2 pembesar suara.
  b) Boleh membuat kerja2 yang berhubong dengan kuasa letrik.
  c) Mempunyai pengalaman mengawas pekerja2 rendah.

iv) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan2 pelajaran yang di-nyatakan di-(i) tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman yang luas dalam perkara2 yang tersebut di-(iii) boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D. 3 EB. 4—$720-755-790-825-860-900/EB/980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

PENJAGA GUBAH MAKAM DIRAJA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun, tahu membacha Al-Kor'an, bertahlil dan bachaan Do'a. Hendak-lah tahu menyempurnakan mayat.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2 EB. 3 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655/EB/720-755-790-825-860-900.

JURU TULIS JAWI :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut : —
  a) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
  b) Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

ii) Chalon2 hendak-lah mempunyai kepandaian dan pengalaman yang luas dalam hal tulisan Jawi yang chantek.

iii) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan pelajaran yang di-nyatakan di-(i) tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan saperti salah satu daripada yang di-nyatakan di-bawah ini boleh juga di-pertimbangkan : —
  a) Tujoh tahun perkhidmatan, 3 tahun daripada-nya dalam jawatan yang ada hubongan dengan mengunakan kepandaian dalam tulisan Jawi yang chantek;
  ATAU
  b) Pegawai2 Kerajaan yang telah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai kepandaian dan pengalaman yang luas dalam hal tulisan Jawi yang chantek.

**Tangga Gaji :**
C. 1-2 EB. 3—$1110-1155-1215-1260-1305-1350-1395-1445-1495-1545-1615-1585/EB/1735-1795-1855-1915-1980.

5. PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH KADZI :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 18 tahun dan mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut : —
  a) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
  b) Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
  c) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 pendaftaran nikah kahwin, urusan2 Mahkamah dan pentadbiran pejabat.

ii) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.

iii) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 pelajaran yang di-nyatakan di-(i) di-atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 pendaftaran nikah kahwin, urusan2 Mahkamah dan pentadbiran pejabat boleh juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D. 3 EB. 4-5 — $720-755-790-825-860-900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175/EB/1200-1230-1260-1290.

PENOLONG PEGAWAI PEPEREKSAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut : —
Sijil Kursus Perguruan Ugama atau Maktab Perguruan dan telah berkhidmat sa-bagai guru ugama di-Negeri Brunei tidak kurang dari 10 tahun.
ATAU
Guru2 Ugama yang tidak mempunyai Sijil Kursus Perguruan Ugama atau Maktab Perguruan tetapi telah berkhidmat tidak kurang dari 15 tahun akan juga di-pertimbangkan.
Chalon2 hendak-lah mempunyai pengalaman yang luas dalam pekerjaan dan pentadbiran pepereksaan2 yang di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

**Tangga Gaji :**
T. 3 — $1240-1280-1320-1360-1400-1450-1500/EB/1560-1620-1680-1740-1800.

7. PEGAWAI PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

ii) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 berikut : —
  a) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
  b) Sijil Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
  c) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan.

iii) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.

iv) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(ii) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D. 3 EB. 4-5 — $720-755-790-825-860-900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175/EB/1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Pekhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Oktober, 1981.

(E/776/75 — Bil : 160/1981)

## TENDER NOTICE

1 TENDERS will be received by the Chairman, Tender Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Class A and B Electrical Contractor up to 12.00 noon on 13th October (Tuesday) for the:–

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR THE PROPOSED EXTENSION TO RADIO STATION FOR THE RBMR, BERAKAS CAMP—BRUNEI".

2 Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

3 Tender Documents may be inspected and obtained from the office of Panatec Services, Suite 43, Britannia House, 38, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan — Brunei from 1st October, 1981 (Tuesday) during normal office hours.

4 Tenders shall be submitted only on the Tender Form and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope. The envelope shall be clearly marked "Tender For Electrical Installation For The Proposed Extension To Radio Station For The RBMR, Berakas Camp, Brunei".

5 The Tender Deposit of B$500.00 shall be in the form of Bank Draft made payable to the Government of Brunei which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and on the return of tender documents in good condition.

6 Before being provided with tender documents, tenderers will require to : —
(a) Prove that they are registered Class A or B Contractors with Electrical Department, Brunei.

7 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### KENYATAAN JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan bahwa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan, Brunei pada hari Khamis 15hb Oktober, 1981 jam 9.00 pagi.

### AUCTION SALE

NOTICE is hereby given that an auction sale of unredeemed pawn shop articles will be held at the Municipal Hall, Bandar Seri Begawn, Brunei on Thursday 15th October, 1981, commencing at 9.00 a.m.

District Officer Brunei
and Muara, Brunei

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Renovation to Co-Operative Department — Hj Mohd Yussof PDI Hj Mokti — $26,490.00 — 2½ months.
2. Supply of Class II and II furniture KB/Seria — Messrs Fashion Furniture Manufacturers — $818,382.00 — 4 months.
3. Cookhouse for Security Guards at Istana Darul Hana — Jackton Const & Developing Co.—$229,830.00—3 months.
4. Proposed training building for Fisheries Field Station, Muara — Sh Hj Metussin & Anak2 — $485,950.00 — 6 months.
5. State Stores tender for valves etc (No 28/81) — Mechmarine (B) Pte Ltd — $23,650.00.
6. Survey Department tender for contract No JUA 8 — Kg Rimba — Messrs Turnbridge Callender Beach (B) Pte Ltd — $569.50 per hectare — 6 months.
7. State Stores tenders No. 32/81 for the supply of Galvd iron pipes — Eng Hin Company Pte Ltd — $34,439.74.
8. State Stores tender No. 33/81 for the supply of angle etc — South Island Trading Co — $22,526.00.
9. State Stores tender No. 34/81 for the supply of Brunei Flags — Africa & Company — $36.15 each for size 3′ x 6′ and $54.10 each for size 4′ x 8′ Brunei flags.
10. Welfare Youth & Sports Department tender for the catering services of the Canteen at the Swimming Pool, Anggerek Desa — Ak Roslan bin Pengiran Haji Metussin — $500.00 per month.
11. Airconditioning installation of PWD headquarters at the Old Airport Site — Borneo Airconditioning & Engineering Company — $2,470,962.00.
12. Airconditioning installation of Sports Complex, New General Hospital, Kiulap — Messrs Plessey (B) Ltd — $42,028.00.
13. Installation of the Sound System at Brunei National Stadium — GEC (S) Limited — $1,689,633.45.
14. Proposed extension to PAP Norain's apartment at Istana Darul Hana — Messrs Ocean Quarry and Construction Ltd — $169,998.30 — by September 1981.
15. Remedial slope protection at SM Kg Mabohai Padang — Messrs Yale Construction and Development Co—$125,560 — 8 months.
16. Construction of 3 bays twin garages and hardstanding, Tutong Fire Station — Hj Abd Ghani bin Hj Tengah — $18,720.
17. Proposed staff toilet for No. 3, Old Airport Road — Hj Md Hassan bin Abdullah — $17,190 — 6 weeks.
18. RBMR tender for stainless steel bars : —
    Monarch International Agencies — $6,923.20
    Mc Harris United — $7,436.00
19. RBMR tender for fire fighting equipment : —
    Morden Fire & Safety Service — $86,895.40
    Mc Harris United (items a, b & i) — $81,895.40
20. Religious Department tender for supply of school furniture — Tsen's Furniture — $124,510 and additional $33,860 for Sekolah Ugama Rendah Kampong Serusop.
21. Place of Detention tender for grass cutting and drain cleaning — Donna Nursery — $2,500.00 per month.
22. State Stores tender for supply of padlocks (No. 36/81) — Africa Co — $24,381.00.
23. District Office Belait tender for earthfill, Kg Rampayoh — Fun Yun Yuan Contractor — $22,700.00.
24. Extension to existing flight kitchen — Messrs Puja Construction Co — $3,218,265.87
25. Improvement to Municipal Hall — Lee Jong Elec Co — $50,535.00.
26. Electrical installation, 10 classrooms at BTTC Gadong — Messrs Lobi Electrical & Eng Ltd — $72,220.00.
27. Additional office accommodation and lighting booth for RTB — Sharikat Perusahaan Haji Shahbudin Salleh — $70,748.75 — 14 weeks.
28. Repair and repainting of Pehin Dato Jamil Primary School — Purnama Construction — $67,775.00 — 3 months.
29. Construction of Bilek Ibadat, Fire Brigade Seria — Messrs Wekim & Co — $85,981.95 — 3 months.
30. Construction of box culvert at Mile 18½, Jalan Tutong — Circle Trading Co — $44,950.00 — 2 months.
31. Extension to 748 Complex (crane installation) — Lian Heng Construction & Transport Co — $61,241.00.
32. State Stores tender Flygt pump (No. 30/81) —Brusia Corporation Ltd — $15,072.00.
33. Replacement of air conditioning unit, Chest Clinic, General Hospital, KB — Marsee & Co — $18,409 — 16 weeks.

24. Air conditioning (replacement) of Library Room, Perdana Wazir English School KB — Marsee & Co — $31,694 — 16 to 20 weeks.

25. Tender for Bangar Hospital and qtrs — Messrs Beng Thai Construction Ltd — $218,162.00 — 4 months.

26. Construction of timber jetty at Fisheries Field Station Muara — Hj Mohd Hassan bin Abdullah — $890,356 — 8 months.

37. Alterations to Municipal Hall (new office and temporary Court House) — Borneo Builders — $861,900.00 — 6 months.



YANG Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman mengalu2kan ketibaan Setia Usaha Agong Kementerian Hal Ehwal Luar Malaysia, Tan Sri Zakaria di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada hari Jumaat lepas.

# PENDIDEKAN KEJURUAN ASAS PEMBANGUNAN PENTING BAGI NEGARA HENDAK MAJU

**Oleh: Jahri Abd. Latif**

SINAUT. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad berkata pendidekan kejuruan dan pertukangan merupakan asas pembangunan yang sangat penting bagi sa-sebuah negara yang hendak maju.

Ini tidak dapat di-sangkal, sebab menurut-nya, lulusan2 dalam bidang ini ada-lah roda yang melancharkan enjen perekonomian negara.

"Mereka-lah yang memegang peranan penting dalam perlaksanaan sasuatu projek atau ranchangan yang mendudoki tempat antara si-peranchang dan si-buroh kasar."

PERANGSANG

Beruchap di-majlis penyampaian sijil2 pertanian dan hadiah2 kapada peladang2 muda yang telah menamatkan kursus mereka di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut pada hari Selasa lepas, Pengarah Pelajaran itu menegaskan.

Tetapi untok mendorong raayat menchebori bidang ini, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad berpendapat mereka mesti-lah di-beri perangsang kuat dengan sifat 'entrepreneurs' kerana sifat ini-lah yang sangat di-perlukan oleh mereka.

"Dengan chara ini baru-lah kita dapat mengeluarkan atau menghasilkan 'entrepreneurs' bumiputera sejati yang bersedia meninggalkan arus tradisional 'pergi makan gaji'," tegas-nya.

Tanpa jalan ini masaalah pertukangan dan kejuruan yang menjadi asas pembangunan tidak dapat di-atasi, kerana menurut-nya, pekerja2 kejuruan dan pertukangan di-negeri ini pada umum-nya maseh di-pegang oleh bangsa asing atau keturunan bangsa asing.

Hal ini, kata-nya berpuncha dari sistem pendidekan, pengajaran dan latehan kejuruan dan pertukangan yang dahulu di-arahkan sa-demikian rupa sa-hingga pendudok2 asli bukan sahaja tidak di-beri perangsang untok mengunjongi sekolah2 kemahiran, akan tetapi kata-nya bidang ini sengaja di-tiadakan atau di-abaikan.

"WHITE COLLAR"

Akibat dari kepinchangan ini, tegas Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad, raayat hingga sekarang tidak menyukai kerja2 pertukangan dan kejuruan sebalek-nya chendorong untok menchari pekerjaan 'white collar'.

Menyedari penting-nya bidang ini, Kerajaan melalui Jabatan Pelajaran, kata Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad telah memberi orientasi baru kapada pendidek2 kejuruan bukan sahaja dengan mendirikan pusat2 kejuruan malah mata2 pelajaran di-sekolah2 rendah dan menengah juga di-tambah masa bagi pelajaran2 Sains dan Ilmu Hisab.

Di-samping itu, kata-nya, kerajaan juga telah menubohkan sekolah sains yang bertujuan untok melahirkan tenaga2 mahir dalam bidang2 teknikal, kejuruan termasok pertanian bagi mengisikan kekosongan dalam bidang2 berkenaan.

Turut juga beruchap di-majlis itu termasok-lah Pengetua PLPS, Awang Shahri bin Haji Besar dan Pegawai Perhubongan (Pengembangan dan Latehan) PLPS, Awang J. St. J. Groome yang telah membentangkan laporan kegiatan2 latehan bagi tahun 1981.

Sa-ramai 62 orang peladang2 muda bagi sesi 1979/80 telah menerima sijil2 kursus mereka di-samping penyampaian hadiah2 kapada pelateh2 terbaik.

PELATEH TERBAIK

Awang Amran bin Haji Raffar, peladang muda tahun pertama telah terpileh sa-bagai pelateh terbaik keselurohan akademik 1980/81. Sementara itu, peladang muda Awang Jumat bin Haji Jaafar di-pileh sa-bagai pelateh terbaik bagi keselurohan akademik 1979/81. Bagi tahun akademik 1979/80, Awang Sidop bin Haji Belaman telah terpileh sa-bagai Juruteknik Ternakan terbaik dan Awang Jamaluddin bin Mohd. Yusof pula terbaik dalam Juruteknik Padi bagi tahun 1980.

Di-samping itu, 21 orang guru sekolah menengah dan rendah kumpolan I dan II pada hari itu juga menerima sijil2 mereka. Guru2 ini ada-lah terdiri daripada guru2 yang mengajar dalam bidang sains pertanian.

Terdahulu dari itu, lima orang peladang muda tahun kedua bagi usahaan kechil2an dan utama juga menerima hadiah2 terbaik mereka. Tanaman sementara dan ternakan ayam Awang Razali bin Janai; Tanaman Sayoran Awang Morni bin Hassan; Tanaman kekal (buah2an) Awang Dongalah bin Moktar dan Ternakan Lembu Awang Jumat bin Haji Jaafar.



PENGARAH Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menyampaikan sijil kapada salah sa-orang Peladang Muda yang menamatkan kursus di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

# Tumpukan usaha2 berkebajikan untok memajukan negeri

Dari muka 1

"Walau bagaimana pun Beta berseru kapada seluroh raayat terutama raayat dan pendudok di-mukim ini supaya jangan hendak-nya memikirkan yang Kerajaan Beta tidak berhajat untok mengambil apa2 tindakan jika perkara2 yang di-bangkitkan itu tidak dapat di-selesaikan dengan memuaskan kerana Kerajaan Beta ada-lah bertanggong-jawab mentadbir keselurohan hal-ehwal negeri ini," titah Baginda itu lagi.

KEAMANAN

Baginda Yang Dipertuan juga telah menyeru raayat dan pendudok di-Mukim Peramu supaya menumpukan usaha2 masing-masing pada memajukan negeri ini dan jauh-kan-lah dari pergerakan2 atau perbuatan2 yang tidak mendatangkan hasil atau yang hanya akan mendatangkan kerosakan pada keamanan dan ketenteraman negeri ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-telah selesai bertitah, Baginda kemudian-nya berpeluang mendengar masaalah2 serta kesulitan2 yang di-hadapi oleh pendudok2 di-mukim tersebut.

Sa-lepas perjumpaan tersebut, Baginda Yang Dipertuan, kemudian-nya memulakan lawatan ka-mukim itu dengan melawat bilek2 darjah di-Sekolah Melayu Pengiran Anak Puteri Besar sambil beramah mesra dengan murid2 serta guru2 di-sekolah berkenaan.

Dari sana Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya di-junjong berangkat melawat ka-sekitar Mukim Kampong Peramu dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta ketua2 kampong untok melihat sa-chara dekat akan kehidupan raayat dan pendudok2 di-sekitar mukim tersebut.

Dalam lawatan itu, Baginda Yang Dipertuan juga telah di-junjong ziarah oleh pendudok2 di-sekitar mukim tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-mukim itu dengan di-iringi oleh adinda Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah serta Penasehat Umom Baginda, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

# Lawatan S-usaha Agong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Agong Kementerian Hal Ehwal Luar Malaysia, Tan Sri Zakaria bin Haji Mohd. Ali telah membuat satu lawatan sengkat ka-sini pada hari Jumaat lepas.

Beliau telah di-iringi oleh Syed Arif Fadzillah, sa-orang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Malaysia.

Semasa berada di-sini beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Pemangku Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Daud dan Ketua Bahagian Protokol Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Pengiran Anak Puteh ibni Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohd. Alam.

# Kegagalan boleh di-denda

Dari muka 1

surat yang berkenaan. Menurut Fasal 9 dari Undang2 Perangkaan, 1975, kegagalan memenohi kehendak di-atas akan boleh di-kenakan, jika di-dapati bersalah, denda sa-banyak tidak lebeh dari $1,000.00 dan seandai-nya kesalahan itu berterusan (berpanjangan) maka ia-nya akan boleh di-kenakan denda tambahan sa-banyak tidak lebeh dari $500.00 bagi tiap2 sa-hari dari jumlah kesalahan yang berterusan itu.

Badan2 perniagaan yang memerlukan sa-barang penjelasan atau bantuan di-dalam mengisikan borang2 tanya ini ada-lah dengan sukachita-nya di-minta menghubongi pegawai yang bertugas di-Bahagian Kira2 Negara, Yunit Peranchang Ekonomi di-LB 1013, Jalan Tasek Lama (di-seberang Sharikat Guthrie Ltd.) Bandar Seri Begawan (Talipon Pejabat No. 22418 atau 24938).

# Perlawanan Chator

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan Chator Berpasokan akan di-adakan bulan depan, bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun.

Perlawanan tersebut akan di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini pada 4hb. Oktober, 10hb. Oktober, 11hb. dan 12hb. Oktober, 1981.

Ia-nya ada-lah terbuka kapada semua pemain2 chator, dan sa-tiap pasokan hendak-lah menghantar lima orang peserta termasok sa-orang pemain simpanan.

Borang2 penyertaan boleh-lah di-dapati melalui Awang Mohd. Asnawi bin Haji Abd. Halim, Awang Mohammad bin Haji Wasli dan Pengiran Mohd. Limbang.

Tarikh penutop bagi menyertai perlawanan ia-lah 3hb. Oktober, jam 4.00 petang.

# Ikuti berbagai kursus

Dari muka 15

ikuti Kursus Pendidekan sa-lama satu tahun di-Universiti Birmingham. Awang Hashim Abdul Hamid, Yahya bin Bair dan Brahim bin Amit mereka ini akan menjalani Kursus Diploma dalam bidang bangunan di-Luton College sa-lama 2-3 tahun. Manakala Awg Shamsudin bin Idris sa-orang Penyunting Filem di-Radio dan Talivishen menjalani kursus singkat sa-lama 12 minggu dalam Pengeluaran Filem2 Renchana dan Berita di-Visnews Ltd International Film and TV Training Centre.

Awang Sulaiman bin Buntar akan menjalani kursus Undang2 Perlesenan sa-lama dua tahun di-Universiti College Buckingham. Manakala Awg Mahmud bin PDG Haji Abu Bakar pula akan menjalani kursus Pengurusan Pentadbiran sa-lama sa-tahun di-Trent Polytechnic.